





● BIL 310 ● 25 APRIL - 1 MEI 2025 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

‘Influencer’ PENGARUH BAIK atau sekadar POPULARITI? ➤➤ 2-4

Warisan KL pacu
transformasi budaya
➤➤ 6

Buku palsu
dihasilkan AI
➤➤ 8

Keciciran pelajar dan
pengaruh pempengaruh
➤➤ 15

Tanggungjawab sebar perkara berfaedah

HASIL KANDUNGAN MANFAAT

LAPORAN: SERIMAH SALLEHUDDIN, AZLAN ZAMBRY & METRA SYAHRIL MOHAMED

KEPETAHANNYA berbahasa Melayu dengan lancar menyebabkan dia dikenali dalam kalangan kaum Melayu.

Boss James atau nama sebenarnya **Ng Yee Sheng**, 32, mula berkecimpung dalam dunia penghasilan kandungan digital sejak 2019.

Bermula dengan perkongsian mengenai dunia permotoran, graduan Ijazah Sarjana Pemasaran dari Universiti Nebraska-Lincoln, Amerika Syarikat itu mula mendapat perhatian daripada video pendek berupa pesanan yang menerapkan nilai-nilai murni.

Boss James juga kerap diundang ke sekolah-sekolah untuk berkongsi inspirasi kejayaannya kepada golongan muda.

“Pempengaruh adalah seseorang yang memiliki kebolehan mempengaruhi. Untuk menjadi pempengaruh yang bagus, mereka perlu rajin menghasilkan kandungan bermanfaat.



BOSS JAMES

“Apa yang disampaikan akan mempengaruhi hidup dan memberi kesan berbeza kepada setiap individu. Ibaratnya seperti barang, barang yang baik tentu memberi manfaat berbanding barang yang buruk.

“Saya terjebak dengan dunia media sosial asalnya untuk menyebarkan luas mengenai perniagaan permotoran yang diusahakan.

“Dari situ saya mula berjinak-jinak menjadi ‘influencer’ secara serius. Apabila sudah berada dalam bidang ini, timbul rasa tanggungjawab untuk menyebarkan

perkara yang berfaedah supaya dapat melahirkan lebih ramai rakyat yang baik,” katanya yang sudah hampir enam tahun bergelar pempengaruh.

Jelas Boss James setiap pempengaruh mempunyai pilihan masing-masing mengenai kandungan yang ingin diketengahkan.

Katanya sesetengah pempengaruh memilih kandungan negatif bukan disebabkan mereka ‘jahat’ tetapi ada yang terpaksa berbuat demikian demi tarikan.

“Pilihan itu di tangan kita, kita harus bersedia menghadapi risiko kecaman, berdepan dengan tindakan perundangan sivil atau jenayah. Tanpa ilmu kita tidak cukup persediaan untuk berdepan dengan risiko tersebut.

“*There’s good in every bad thing and there’s bad in every good thing.*” katanya.

Walaupun bagaimanapun, nasihat Boss James yang sanggup membelanjakan ratusan ribu semata-mata untuk mempelajari ilmu pemasaran digital, semua orang boleh menjadi pencipta kandungan tetapi mereka harus mengetahui kesan daripada setiap kandungan dihasilkan.

“Ramai mahu menjadi pencipta kandungan kerana terpengaruh dengan pendapatan lumayan yang disiarkan di media sosial.

“Kebanyakan mereka teruja untuk meraih kejayaan dalam tempoh singkat, tapi bukan itu yang mereka patut fokuskan. Mereka sepatutnya memfokuskan kepada



nilai yang ingin disampaikan kepada pengikut.

“Mungkin hari ini mereka jadi tular tetapi tidak bermaksud pada masa depan populariti itu akan terus berada pada tahap yang sama.

“Jadi mereka patut fikirkan apa yang boleh dilakukan untuk memastikan dapat bertahan dalam perniagaan dan dunia penciptaan kandungan yang dihasilkan,” katanya.

Boss James juga menasihati anak muda yang ingin bergelar pempengaruh agar memiliki ilmu dan mengutamakan pelajaran kerana sukar untuk ‘survive’ tanpa ilmu.

Dalam pada itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) juga baru-baru ini melancarkan Kempen Internet Selamat (KIS) bagi memberikan pendedahan kepada pelajar dan

guru berkaitan keselamatan dalam talian serta langkah-langkah melindungi diri daripada ancaman siber yang semakin membimbangkan.

Pelaksanaan KIS ini dilihat selari dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan keselamatan digital, seiring dengan perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi.

Gunakan kehebatan ke arah kebaikan

GOLONGAN pempengaruh media sosial perlu menggunakan kehebatan atau kelebihan dimiliki mereka dalam aspek komunikasi atau kreativiti ke arah kebaikan terutama dalam membantu masyarakat menjadi lebih maju, membangun dan bertamadun.

Demikian ditegaskan Pakar Sosial, **Profesor Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran** yang melihat sisi baik golongan yang digelar *influencer* (pempengaruh) itu dan peranan mereka dalam kemasyarakatan.

Malah beliau mahu mereka melakukan tugas tersebut dengan jujur atau memainkan peranan dengan baik.

“Sebenarnya peranan mereka ini penting bagi pembangunan sesebuah masyarakat atau dalam lingkungan bisnes, memajukan

produk jualan.

“Tidak dinafikan sumbangan mereka dalam perkara ini memang tak boleh dipertikaikan terutama kepada *influencer* yang mempunyai pengaruh yang besar. Ayat-ayat yang dikeluarkan, tindakan-tindakan dan gerak-geri mereka semuanya memberi peranan dan impak kepada masyarakat secara keseluruhannya,” katanya kepada Wilayahku.

Jelas beliau impak keberadaan mereka dalam media sosial yang menjadi platform utama anak-anak muda mendapatkan sesuatu maklumat, boleh secara positif atau sebaliknya.

Katanya untuk itu sudah pasti sebagai ahli masyarakat yang bertanggungjawab kepada pembangunan dan kemajuan, mereka seharusnya menggunakan

kehebatan dimiliki ke arah kebaikan.

“Kita tak mahu kelebihan yang dimiliki itu disalah guna sehingga menimbulkan kekacauan, kekeliruan atau rasa tidak senang dalam kalangan masyarakat.

“Jadi peranan ini harus disedari oleh setiap *influencer* dalam masyarakat dan sekiranya digunakan untuk tujuan kebaikan memang impaknya terlalu besar kepada kebaikan, kemajuan sesebuah negara dan masyarakat,” katanya.

Justeru jelas beliau apabila ingin melibatkan diri dalam apa jua aktiviti, *influencer* perlu bersandarkan kepada kebenaran dan kejujuran.



MOHAMMAD SHATAR

“Contohnya jika buat *review* makanan, maka makanan itu seharusnya sudah dicuba atau dimakan dan apabila ia sedap dan sesuai dengan cita rasa maka barulah disebut perkara yang seharusnya.

“Apa yang kadang-kadang berlaku apabila yang mengejar bayaran, mereka tidak lihat kepada realiti sehingga ada makanan-makanan yang tidak sedap atau tidak baik tetapi dikhabarkan sebaliknya.

“Oleh kerana mereka yang bercakap itu merupakan orang yang dipercayai, orang lain tertipu sehingga membeli makanan tersebut,” katanya.

Beliau seterusnya menghargai peranan *influencer* tetapi mereka perlu melaksanakan sesuatu tugas dengan jujur bagi mengelak berlakunya kekeliruan dan kepincangan dalam masyarakat.

Terdahulu beliau mengulas mengenai beberapa *influencer* yang menimbulkan isu-isu tertentu sehingga memaksa pengguna media sosial ditarik bersama dalam ‘drama’ isu yang mereka mainkan.

Ini seterusnya menimbulkan kekacauan dan perang siber antara pihak yang menyokong *influencer* tersebut dan pihak selain daripadanya.

Ada juga kalangan mereka yang saling menyerang antara satu sama lain sehingga menimbulkan ketidakharmonian sesama masyarakat, hanya kerana *influencer*.

Berpada-pada ketika membuat hantaran

BAIK, BURUK PEMPENGARUH

SIKAP beberapa individu yang terkenal di media sosial, digelar *influencer* atau pempengaruh, menyentuh sensitiviti, privasi mahupun perihal orang lain sehingga mengundang kritikan, kecaman termasuk diambil tindakan undang-undang, membuka mata semua pihak mengenai keberadaan mereka.

Ada yang mempersoal kedudukan atau 'pangkat' yang dijawab mereka ketika ini, selain persoalan mengenai sejauh mana pengaruh yang dibawa memberi manfaat terhadap orang lain melalui isi kandungan (konten) dihasilkan di laman media sosial.

Tak kurang juga yang mengkritik kandungan dihasilkan sekadar hiburan kosong semata-mata dan langsung tidak berfaedah.

Ini termasuk kandungan bersifat mengejek atau mempermain-mainkan nama orang lain, bersifat jelik dan kandungan-kandungan berbaur palsu atau mengejar pengikut serta view sahaja.

Namun tidak dinafikan ada pempengaruh yang menampilkan sisi positif melalui kandungan yang diketengahkan kepada khalayak.

Biarpun begitu, Timbalan Pengarah (Pengurusan Strategik) Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Profesor Madya Dr Nur Izura Udzir** berkata, apabila menyebut tentang pempengaruh, apa saja dilakukan, baik mahupun buruk, boleh mempengaruhi serta memberi kesan kepada penonton dan pengikut.

Beliau mengingatkan mereka yang terlibat dalam penciptaan kandungan supaya berhati-hati memuat naik apa saja bahan mahupun kata-kata di media sosial kerana boleh mencetuskan tafsiran yang berbeza.

Definisi pempengaruh ialah individu yang boleh mempengaruhi orang lain tidak kira dikenali ramai ataupun tidak.

"Pemahaman pengguna media terhadap sesuatu kandungan itu berbeza mengikut kepada latar belakang dan pendidikan.

"Ada yang mengambilnya dari sudut positif dan ada yang melihat dari sudut negatif. Sesetengahnya pula merupakan jenis yang mudah terasa kerana merasakan hantaran itu ditujukan kepada mereka," katanya kepada Wilayahku.

Nur Izura menambah sebagai pempengaruh, jalan terbaik untuk mereka adalah dengan memaparkan kandungan positif di media sosial.

Walaupun bagaimanapun, katanya sesetengah individu yang menjadi pempengaruh tiba-tiba tular hanya disebabkan *posting* atau hantaran mereka di media sosial.

Namun, beliau tetap mengingatkan personaliti media sosial supaya berhati-hati menggunakan perkataan terutama sewaktu sesi secara langsung kerana dibimbangi ada perkataan-perkataan kurang sesuai disuarakan hingga memalukan diri.

"Pepatah terlajak perahu boleh diundur tidak relevan dalam dunia digital. Walaupun hantaran sudah dipadamkan, tetapi ada yang sempat menangkap layar dan kemudian menyebarkan semula kandungan itu.

"Hantaran itu akan terus kekal di media sosial sampai bila-bila, jadi sebelum menulis apa-apa atau menghasilkan video fikirkan banyak kali.

"Jika kandungan yang baik tidak mengapa tetapi bagaimana jika sebaliknya?" soal Nur Izura.

Ditanya apakah nasihat yang boleh ditiptikan kepada pempengaruh atau mereka yang ingin bergelar pempengaruh, beliau menegaskan bahawa tugas pempengaruh juga datang bersama amanah.

"Jagalah kemasyhuran yang diberikan itu dengan rasa tanggungjawab dan amanah. Sama ada mereka minta untuk jadi popular ataupun tidak, tetap ada tanggungjawab.

"Apa yang ditulis, dimuat naik semuanya boleh mempengaruhi orang lain. Ada hantaran yang boleh memberikan manfaat tapi mungkin sesetengah hantaran pula boleh



NUR IZURA



buat orang lain merasa 'down', jadi berpada-pada dengan apa yang kita buat.

"Janganlah sekadar menghasilkan kandungan untuk mendapatkan 'engagement' sehingga tergamak menghasilkan kandungan

tidak berfaedah dengan alasan sekadar untuk suka-suka," katanya.

"Ibu-bapa juga perlulah memantau dan didik anak-anak mengenai kandungan yang patut ditengok," katanya.

Terbuka terima teguran, jaga sensitiviti

PERSONALITI media sosial harus terbuka menerima teguran dan memohon maaf sekiranya melakukan kesilapan supaya tidak dilabel besar kepala.

Pencipta kandungan, **Ryan Bakery** yang sudah berkecimpung dalam dunia penghasilan kandungan sejak 2021 tidak mahu disebabkan sikap segelintir golongan itu memberi kesan kepada pempengaruh lain.

Ryan berkata mereka yang bergelar pencipta kandungan perlu lebih berhati-hati dan menjaga sensitiviti sebelum memuat naik kandungan di media sosial.

"Tidak semua penonton

boleh menerima kandungan kita kerana penerimaan setiap orang berbeza, jadi perlu berhati-hati setiap kali menghasilkan apa saja kandungan.

"Kerjaya pempengaruh bukan untuk meraih populariti, saya anggap ia sudah menjadi seperti satu kerjaya. Kalau boleh saya nak bertahan lama.

"Bukan hari ini dikenali, kemudian esok lusa hilang. Jadi saya memang tidak setuju apabila ada pencipta kandungan



RYAN BAKERY

sebelum ini kerana memakai rambut palsu namun menerima dengan hati terbuka teguran itu.

Tambah Ryan tidak salah untuk merendahkan ego kerana keangkuhan hanya memakan diri

bersikap biadap.

"Kami bersusah payah menaikkan nama pencipta kandungan sebagai satu kerjaya tapi disebabkan sikap beberapa individu, orang lain yang terkena tempiasnya," kata Ryan.

Ryan mendedahkan dia juga pernah ditegur

sebelum ini kerana memakai rambut palsu namun menerima dengan hati terbuka teguran itu.

Tambah Ryan tidak salah untuk merendahkan ego kerana keangkuhan hanya memakan diri

sendiri.

"Saya juga pernah buat silap, tapi bila buat silap kena segera minta maaf.

"Seperti kes yang heboh baru-baru ini, nasi dah jadi bubur. Minta maaf saja dan jadilah seorang yang profesional.

"Bila sikap ego tinggi, perkara itu sebenarnya akan menyusahkan. Kita semua kena jadikan apa yang berlaku baru-baru ini sebagai pengajaran, memanglah kita masih muda tapi kita tak tahu perasaan orang yang lebih tua dari kita," katanya.

Mereka yang mempunyai jutaan pengikut tetapi sentiasa merasakan diri hingga tidak boleh ditegur disifatkannya

sebagai seorang yang tidak sedar diri.

Tanpa penyokong selama ini katanya mereka tidak mungkin berada pada tahap sekarang serta berjaya mengumpul jutaan pengikut.

"Pempengaruh yang memiliki jutaan pengikut tapi tidak boleh ditegur bermakna dia seorang yang tidak sedar diri.

"Kehadiran kita di sini sehingga diterima di arus perdana pun kerana orang suka pada kita.

"Jadi jangan sia-siakan peluang dan kepercayaan yang sudah diberikan supaya kerjaya dan periuk nasi kita tidak terjejas gara-gara keegoan," kata Ryan.

Menelusuri psikologi komunikasi, pengaruh digital

NILAI, SARING MAKLUMAT

ISU-ISU sensitif seperti 3R (kaum, agama, institusi diraja) antara isu yang terus menjadi topik hangat dalam ruang digital Malaysia.

Walaupun pihak berkuasa telah berkali-kali mengingatkan agar tidak menyentuh isu-isu sensitif ini, masih wujud segelintir pempengaruh dan 'cybertrooper' yang berani mencabar garis sempadan undang-undang dan etika komunikasi demi perhatian, pengaruh dan keuntungan digital.

Dalam satu sesi wawancara khas yang berlangsung di pejabat Wilayahku, Putrajaya, Presiden Persatuan Pengguna Siber Malaysia, **SIRAJ JALIL**, berkongsi pandangan beliau bersama wartawan **AZLAN ZAMBRY** berkenaan fenomena ini dari sudut psikologi komunikasi, strategi naratif digital serta krisis tanggungjawab yang kini melanda masyarakat majmuk Malaysia.

Sesi ini turut menelusuri bagaimana naratif 3R digunakan secara strategik dalam membentuk persepsi awam, khususnya dalam kalangan generasi muda, serta keperluan mendesak untuk memperkukuh literasi media dan etika komunikasi dalam menghadapi gelombang digital yang semakin mencabar.

Dari sudut psikologi komunikasi, apakah motivasi sebenar di sebalik tindakan sesetengah pempengaruh dan 'cybertrooper' yang tetap menyentuh isu sensitif walaupun sedar ia boleh mengundang tindakan undang-undang?

Motivasi ini sangat kompleks. Ia tidak hanya berpunca daripada keinginan untuk bersuara, tetapi berkait rapat dengan faktor psikologi, ekonomi dan politik. Dari perspektif psikologi komunikasi, manusia terdorong menyampaikan mesej yang mereka percaya mewakili identiti dan nilai mereka. Namun dalam kes pempengaruh atau juga *cybertrooper*, motivasi tersebut lebih tertumpu *agenda setting* dikendalikan pihak tertentu.

Agenda Setting Theory menyatakan pihak berkepentingan bertindak sebagai pencorak naratif awam melalui perantara digital. *Cybertrooper* bergerak tanpa identiti sebenar,

sering beroperasi dalam bayang dan mempunyai tugas jelas yang dibayar untuk menyebarkan atau menenggelamkan sesuatu isu. Pempengaruh pula, walaupun menggunakan identiti sebenar, turut berperanan besar menyebarkan sentimen kerana ia mampu mencipta 'reach' yang tinggi dan meningkatkan kadar interaksi media sosial, sekali gus menguntungkan dari sudut kewangan.

Membimbangkan apabila mesej yang disebar bukan sahaja manipulatif tetapi membentuk *narrative framing* yang menyusup secara halus ke dalam pemikiran masyarakat. Dalam keadaan tertentu, mesej tersebut diselit dengan fakta namun disusun agar menyokong ideologi tertentu. Maka wujudlah 'udang di sebalik mi' dalam komunikasi digital yang disampaikan seolah-olah demi kebenaran tetapi sebenarnya mengandungi isyarat politik atau motif dominasi sosial.

Adakah kita sedang menyaksikan satu krisis 'kematangan politik digital' dalam kalangan masyarakat?

Kita bukan sekadar menyaksikannya malah sedang mengalaminya dalam bentuk yang sangat serius. Krisis

ini tidak hanya berpunca daripada kekurangan literasi media tetapi akibat tiadanya pendidikan sistematik dalam penggunaan Internet dan media sosial. Berbeza dengan subjek seperti Sejarah atau Matematik yang diajar secara berstruktur, ilmu komunikasi digital masih belum dianggap sebagai keperluan asas dalam sistem pendidikan kita.

Sebahagian besar rakyat, termasuk golongan muda tidak pernah diajar bagaimana untuk menilai atau menyaring maklumat digital secara etika. Akibatnya mereka mudah terjebak dalam *manipulatif content* termasuk isu 3R. Tambahan pula wujudnya kekeliruan dalam kalangan pempengaruh, adakah menyentuh tentang Melayu, Cina atau India itu salah? Atau hanya salah jika menyentuh raja? Bagaimana pula dengan agama yang dibincangkan dalam ruang akademik dan ilmiah?

Ketidakjelasan sempadan ini membuka ruang kepada eksploitasi. Ramai yang merasakan mereka memperjuangkan hak identiti kaum atau agama sedangkan naratif itu boleh mencetuskan ketegangan kaum dan ketidakstabilan sosial. Isu ini menjadi lebih parah apabila warganet yang tidak mempunyai kredibiliti ilmiah atau komunikasi berperanan sebagai rujukan membentuk persepsi awam.

Bagaimana penyebaran kandungan sensitif oleh pempengaruh memberi kesan kepada pembentukan persepsi politik anak muda dan pola polarisasi masyarakat hari ini?

Penyebaran isu 3R secara berleluasa telah memberi kesan langsung kepada pembentukan

ideological camps dalam kalangan generasi muda. Ia mudah menjadi tular kerana menyentuh elemen emosi dan identiti. Dalam masa yang singkat, anak muda membentuk persepsi tentang sesuatu kaum, agama atau institusi berdasarkan paparan sepihak yang berulang.

Salah satu kesan paling ketara ialah wujudnya *echo chambers*, ruang maklumat yang hanya memperkuat kepercayaan sendiri dan menolak pandangan luar. Hal ini membawa kepada polarisasi iaitu pembentukan dua ekstrem, satu yang menyokong sepenuhnya naratif dominan dan satu lagi yang menolak dengan penuh emosi. Kedua-dua kumpulan ini akhirnya tidak mampu lagi berinteraksi secara rasional.

Sejauh mana tanggungjawab moral dan etika komunikasi perlu ditekankan dalam kalangan pempengaruh?



SIRAJ JALIL

Ia sangat kritikal. Dalam negara majmuk seperti Malaysia, sensitiviti terhadap 3R bukan hanya soal perundangan tetapi juga moral sosial. Malangnya kita tidak memiliki sistem pendidikan yang mengajar bagaimana menggunakan media digital secara beretika. Sama seperti kita perlu mengambil lesen dan

mengikuti silibus khas untuk menjadi pemandu jalan raya, pengaruh digital juga patut melalui proses pendidikan formal yang membolehkan mereka memahami impak komunikasi terhadap masyarakat.

Adakah kemunculan *cybertrooper* mencerminkan kelemahan institusi politik dalam mengurus komunikasi awam atau ia sebahagian daripada strategi komunikasi yang disengajakan?

Ia adalah kedua-duanya. Kemunculan *cybertrooper* bermula sekitar awal tahun 2000 ketika blog politik dan forum digital mula aktif. Mereka digunakan sebagai alat propaganda oleh parti politik, sama ada untuk menyerang lawan atau mempertahankan imej pemimpin mereka. Namun ketergantungan kepada *cybertrooper* menunjukkan kegagalan institusi membina naratif yang telus dan berfakta. Strategi komunikasi seperti ini membawa kesan jangka panjang, terutama terhadap *trust deficit* rakyat kepada pemimpin dan media. Kajian antarabangsa oleh Edelman Trust Barometer menunjukkan kadar kepercayaan terhadap pemimpin politik dan media semakin merosot di Malaysia dan sebahagiannya disebabkan oleh penggunaan *cybertrooper* yang tidak beretika.

Apakah peranan tenaga akademik dalam membentuk naratif komunikasi bertanggungjawab?

Institusi pengajian tinggi harus menjadi penanda aras kepada komunikasi yang berpaksikan ilmu dan tanggungjawab. Golongan akademik sepatutnya tidak hanya berada dalam bilik kuliah, tetapi turut menyumbang dalam wacana awam,

termasuk membetulkan fakta yang dimanipulasi di media sosial.

Bagaimana fenomena *echo chamber* dalam media sosial memperkuat keberanian pempengaruh dan *cybertrooper* untuk terus menyentuh isu sensitif?

Echo chamber berlaku apabila algoritma media sosial hanya memaparkan kandungan yang mengukuhkan kepercayaan sedia ada pengguna. Ini menjadikan pengguna yakin bahawa pandangan mereka disokong secara majoriti, walaupun realitinya tidak. Ia memperkuat keyakinan palsu dalam kalangan pempengaruh dan *cybertrooper* untuk terus memainkan isu sensitif.

Lama-kelamaan ini membentuk kumpulan ekstrem yang melihat hanya satu sisi realiti. Mereka membentuk 'tribalisme digital' yang bukan sahaja menolak fakta, malah menyerang sesiapa sahaja yang berbeza pendapat.

Adakah wujud jurang kefahaman terhadap batas undang-undang dan etika komunikasi dalam kalangan pempengaruh muda hari ini?

Kedua-duanya berlaku. Ada yang benar-benar tidak faham kerana tiada pendidikan khusus. Tetapi ramai yang sedar dan sengaja bermain dengan api kerana isu 3R memberikan kadar tontonan tinggi dan liputan media. Isu ini sering dimanipulasi untuk meraih sokongan emosi dan meningkatkan kredibiliti dalam kelompok tertentu. Apa yang membimbangkan ialah apabila mereka mula melihat provokasi sebagai norma, dan tidak lagi merasa bersalah walaupun kandungan mereka mencetuskan ketegangan sosial. Ini menandakan satu krisis moral dalam komunikasi digital yang tidak boleh dibiarkan berlarutan.

Sejauh mana pentingnya literasi media dan undang-undang sebagai sebahagian daripada kurikulum pendidikan tinggi, terutama bagi pelajar komunikasi dan media?

Sangat penting. Literasi media bukan sahaja membina keupayaan pelajar untuk mengenal pasti maklumat palsu, tetapi juga memupuk kemampuan mereka untuk menilai, menapis dan mengamalkan komunikasi yang beretika. Literasi undang-undang pula memberikan pemahaman tentang batasan kebebasan bersuara dan tanggungjawab sebagai pengamal media atau warga digital.

Sebagai cadangan, pendidikan literasi ini wajar dijadikan subjek wajib untuk semua pelajar bidang komunikasi, media, sosiologi, dan juga pengajian politik. Ini bagi memastikan wacana digital masa hadapan lebih sihat, progresif dan membina masyarakat yang matang serta inklusif.



KECOH dan menimbulkan pelbagai spekulasi dalam kalangan netizen apabila kerajaan Kedah menolak pengiraan nilai pampasan daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM41 juta bagi mengekalkan kawasan sawah padi, sebaliknya terus menuntut bayaran sebanyak RM200 juta.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata jumlah pampasan yang dicadangkan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) menerusi sistem Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN) adalah terlalu rendah dan tidak setimpal dengan pengorbanan negeri itu.

Menurutnya nilai insentif yang dikemukakan KAGUMN tidak mengambil kira sepenuhnya kerugian yang ditanggung negeri itu kerana mengekalkan status tanah sawah padi.

Dalam hal ini, ramai netizen mula menuduh kerajaan tidak adil dan 'menganaktirikan' Kedah, sedangkan negeri itu menyumbang banyak jasa kepada negara.

Jangan cepat melenting atau buat tuduhan palsu. Sebenarnya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu bahawa kerajaan sudah meluluskan RM1 bilion sebagai insentif melaksanakan program merancang produktiviti pengeluaran padi di Kedah.

Menurut Anwar peruntukan itu disalurkan secara berterusan.

"(Kita sudah berikan) RM1 bilion. RM1 bilion *on going* (berterusan)," katanya ketika ditemui pada Majlis Sambutan Aidilfitri 2025 Kementerian Kesihatan (KKM), Putrajaya, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Muhammad Sanusi bahawa Kedah akan terus berusaha menuntut bayaran RM200 juta setahun daripada Kerajaan Persekutuan sebagai insentif khas atas pengorbanan negeri itu mengekalkan kawasan jelapang

KERAJAAN SUDAH LULUS RM1 BILION



ANWAR ketika melancarkan projek infrastruktur bagi menyokong program penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun di kawasan Muda Fasa 1.

padi bagi menjamin bekalan beras negara.

Muhammad Sanusi dilaporkan berkata pihaknya juga menolak cadangan dibuat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Malaysia (PlanMalaysia) iaitu bayaran sebanyak RM41 juta setahun kepada Kedah melalui KAGUMN.

Februari lalu, Anwar dilaporkan berkata peruntukan RM1 bilion diluluskan kepada Lembaga

Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sebagai insentif melaksanakan program merancang produktiviti pengeluaran padi di Kedah.

"Usaha kita untuk meningkatkan produktiviti. Kita telah luluskan RM1 bilion untuk MADA ini yang kita akan luncurkan (program berkenaan padi) akhir bulan ini, insya-Allah.

"Ia supaya kawasan sawah yang ada penambahan RM1 bilion itu boleh menjamin penambahan produktiviti.

"Sekurang-kurangnya usaha itu dapat memenuhi daripada sekitar 56 peratus keperluan tempatan sekarang kepada 70 peratus," katanya ketika sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Dewan Rakyat, sebelum ini.

Kesimpulannya, netizen janganlah sesuka hati buat andaian atau tuduhan tidak berasas kepada kerajaan. Ini boleh mengeruhkan lagi hubungan kerajaan negeri Kedah dan Persekutuan.

Ini bukan kerajaan UMDAP

SEJAK akhir-akhir ini, perkataan UMDAP (UMNO DAP) menjadi bualan dan bahan jenaka dalam media sosial.

Pelbagai ejekan dalam bentuk komen dan video seolah-olah memperlekeh gabungan kedua-dua parti itu yang kini membentuk kerajaan bersama beberapa lagi parti.

Dari situ ada yang berpendapat UMNO dan DAP mengabaikan keberadaan parti-parti lain.

Menafikan dakwaan tersebut, Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Ahmad Maslan menegaskan bahawa Kerajaan Perpaduan yang dibentuk selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) adalah hasil kerjasama bersama 19 buah parti, bukan seperti yang dimomokkan oleh pihak lawan dengan gelaran 'UMDAP'.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Pontian berkata, tidak pernah berlaku kerjasama antara BN dan DAP secara terus apatah lagi bergabung seperti yang didakwa



AHMAD Maslan menegaskan Kerajaan Perpaduan yang dibentuk adalah hasil kerjasama bersama 19 buah parti.

oleh Perikatan Nasional (PN).

"Saya nak maklumkan bahawa kerajaan ini bukanlah Kerajaan 'UMDAP'. Kerajaan ini adalah kerajaan 19 parti. Hubungan Barisan Nasional

(BN) dan Pakatan Harapan (PH). Kita berhubung dengan 19 parti.

"Oleh itu, tidak perlu kita nak 'highlight' UMDAP sebegitu rupa. Punyalah banyak parti yang

bekerjasama untuk membentuk Kerajaan Perpaduan ini. BN, PKR, Amanah, parti-parti Sarawak, Sabah, punyalah banyak.

"Inilah cerita sebenar tentang hubungan antara parti-parti membentuk kerajaan, sebab kalau dua parti ada lebih kurang 90 kerusi sahaja. Kita nak bentuk kerajaan perlu 112. Kerajaan 19 parti ini ada 153 kerusi. Ini bukan kerajaan dua parti. Itulah perkara yang sepatutnya difahami oleh semua," katanya.

Kerajaan Perpaduan ditubuhkan selepas PRU15 disebabkan UMNO menghormati titah Yang di-Pertuan Agong (YDPA) kerana pada masa itu tidak ada mana-mana parti politik yang mempunyai majoriti untuk tubuhkan kerajaan.

Titah tersebut diterima oleh pelbagai parti teras seperti BN, PH, Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS), Parti Warisan, Parti Bangsa Malaysia (PBM) dan Parti Kesejahteraan Demokratik Masyarakat (KDM) untuk membentuk Kerajaan Perpaduan.

MENARIK WILAYAHKU

Register and this could be yours!
Sign up now for a chance to win the grand lucky draw prize of a limited-edition 50th Anniversary Asia Brompton bike worth RM10,000!
#LetsGoCycle
Register at ocbcycle.com



KUALA LUMPUR

27/4/25: OCBC Cycle KL 2025 @ Dataran Merdeka

17/5/25: The Music Run Kuala Lumpur 2025 @ Stadium Bukit Jalil

23/5 - 1/6/25: Pesta Buku Antarabangsa @ PWTC

8/6/25: Dragon Boat Festival Run @ Taman Tasik Titivangsa



PUTRAJAYA

10/5/25: EE Run 2025 @ Diamond Building Suruhanjaya Tenaga

11/5/25: Generali Malaysia Run 2025 @ Dataran Wawasan

5/7/25: Ecotrail Putrajaya



LABUAN

22/4 - 27/4/25: Labuan International Sea Challenge

26 - 30/7/25: Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

26-28/9/25: Borneo Art Festival @ Ujana Kewangan

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

10 projek pemangkin lonjak semula nadi ibu kota

WARISAN KL PACU TRANSFORMASI BUDAYA

AZLAN ZAMBRY

KUALA Lumpur dijangka mengalami kebangkitan semula sebagai kota berbudaya menerusi pelaksanaan 10 projek pemangkin utama di bawah inisiatif Warisan KL seperti diumumkan Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif**.

Berucap dalam Sesi Taklimat Media Warisan Kuala Lumpur di Menara DBKL 1, Maimunah berkata inisiatif tersebut merupakan strategi jangka panjang bagi mengembalikan semula fungsi kawasan teras bandar raya sebagai pusat warisan, kebudayaan dan komuniti.

"Warisan KL bukan sekadar pelan fizikal atau estetika. Ia adalah usaha bersepadu untuk menghidupkan semula nadi sejarah Kuala Lumpur melalui pendekatan budaya yang inklusif dan berimpak tinggi," katanya.

Inisiatif itu menggariskan 10 projek utama yang menyasarkan pemulihan lokasi ikonik ibu negara termasuk Dataran Merdeka, Carcosa Seri Negara, Merdeka 118 dan Stesen Keretapi Kuala Lumpur.

Projek-projek tersebut turut melibatkan pemerkasaan kawasan perdagangan tradisional, pembangunan jaringan koridor hijau bandar, pemuliharaan zon warisan keagamaan serta pengukuhan ekosistem seni dan kandungan kreatif tempatan.

Maimunah menjelaskan bahawa

setiap projek yang dikenal pasti akan memainkan peranan sebagai pemangkin ekonomi dan sosial, termasuk memperkukuh industri kreatif serta menjana peluang pekerjaan kepada komuniti setempat.

"Warisan KL disusun berteraskan prinsip Malaysia MADANI dan Rancangan Struktur Kuala Lumpur 2040. Ia turut menyokong penyertaan bandar raya ini dalam rangkaian UNESCO Creative Cities, sekali gus mengangkat martabat Kuala Lumpur sebagai bandar budaya bertaraf antarabangsa," katanya.

Menurutnya, pelaksanaan keseluruhan inisiatif dijangka memberi impak ekonomi berjumlah RM7.85 bilion dan menarik lebih sembilan juta pelawat baharu ke ibu kota dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Sesi taklimat turut dihadiri Pengarah Urusan Think City, **Datuk Hamdan Abdul Majeed**, yang menyifatkan Warisan KL sebagai kerangka strategik penting dalam memastikan kesinambungan identiti Kuala Lumpur sambil memenuhi keperluan pembangunan moden.

"Warisan KL adalah hasil kerjasama pelbagai pihak termasuk Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), dan pelaksanaannya akan menggabungkan kekuatan sektor awam, swasta dan komuniti



MAIMUNAH menjelaskan bahawa Warisan KL disusun berteraskan prinsip Malaysia MADANI dan Pelan Struktur KL 2040.

secara holistik," katanya.

Inisiatif Warisan KL merangkumi kawasan seluas 20 kilometer

persegi yang melibatkan Zon Teras dan Zon Penampakan di sekitar muara Sungai Klang dan Sungai Gombak —

lokasi bersejarah yang menjadi titik permulaan kewujudan Kuala Lumpur pada tahun 1857. **17**

Komitmen bina bandar pintar, lestari

DATUK Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** menegaskan komitmen Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam membina sebuah bandar raya pintar, mampan dan berdaya tahan.

Ini dilakukan menerusi pelaksanaan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) yang digariskan secara menyeluruh.

Dalam ucpatama di Konvensyen Hartanah Kebangsaan Ke-32 (NREC 2025) di Wyndham Grand Bangsar, beliau menekankan bahawa kekuatan sesebuah bandar bukan hanya terletak pada pembangunan, tetapi bagaimana ia dipandu oleh tadbir urus dan strategi yang terancang serta inklusif.

"Dengan 15 program utama yang sedang dilaksanakan DBKL, kami komited memastikan pembangunan yang bukan hanya rancak, tetapi turut menekankan nilai kemampanan, keterangkuman dan tadbir urus digital yang telus,"



MAIMUNAH menerima cenderahati yang disampaikan oleh Ahmad Sanusi.

katanya.

Hadir sama Presiden Royal Institution of Surveyors Malaysia, Dr Ahmad Sanusi Che Cob; Naib

Presiden Bahagian Ukur Harta, Profesor Mohd Khairudin Abdul Halim; Pengerusi Penganjur NREC 2025, Nithiyaini Jewa serta Ketua

Pegawai Eksekutif TRX City Sdn Bhd, Datuk Azmar Talib dan Ketua Pegawai Operasi ECERDC, Datuk Ragu Sampasivam.

Maimunah turut mengumumkan bahawa sebanyak 97 peratus permohonan pembangunan telah diproses setakat suku pertama 2025 melalui 24 mesyuarat perancangan, mencerminkan komitmen DBKL terhadap ketelusan dan keberkesanan pentadbiran bandar.

Menurutnya, pelaksanaan Urban Digital Twin dan pemacu digital lain seperti pelan tenaga boleh diperbaharui dan sistem pemantauan masa nyata telah mula menunjukkan impak kepada perancangan infrastruktur dan penggunaan tanah yang lebih strategik.

"Antara inisiatif utama termasuk perumahan mampu milik Perumahan MADANI, Program K2K dan kerjasama dengan UNICEF bagi menangani kemiskinan

bandar. Kami juga telah menanam lebih 100,000 pokok dan memperluas penggunaan tenaga solar di bangunan DBKL," tambahnya.

Beliau turut memuji kolaborasi bersama Khazanah Nasional Berhad dalam projek pemuliharaan Warisan Kuala Lumpur termasuk Bangunan Sultan Abdul Samad dan Dataran Merdeka, sebagai sebahagian daripada komitmen kerajaan memperkasa identiti budaya dan sejarah ibu kota.

Maimunah menyeru semua pihak dari perancang, profesional, pelabur hingga warga kota agar terus bekerjasama dalam menjayakan aspirasi Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar yang bukan sekadar didiami, tetapi dicintai.

"Bandar yang kita bina, bukan hanya tentang struktur fizikal, tetapi tentang janji untuk membentuk komuniti yang memiliki rasa kepunyaan dan saling menghormati," katanya. **17**

Jawatankuasa Pemacu ditubuh perkara integriti

JWP PERHEBAT CEGAH RASUAH

AZLAN ZAMBRY

JABATAN Wilayah Persekutuan (JWP) akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemacu bagi memperkasa usaha integriti dan pencegahan rasuah dalam perkhidmatan awam di bawah seliaannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa** menegaskan sudah tiba masanya pegawai-pegawai agensi dan pihak berkuasa tempatan meruntuhkan 'dinding senyap' yang selama ini membiarkan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa berleluasa tanpa tindakan tegas.

"Kita mesti berani bertindak secara konsisten, bukan hanya tahu apa yang betul tetapi mengambil tindakan tanpa rasa takut. Wilayah Persekutuan tidak boleh lagi dilihat sebagai simbol birokrasi yang tidak telus," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Seminar Integriti dan Tadbir Urus Pencegahan Rasuah Wilayah Persekutuan (MPGIA), baru-baru ini.

Menurut Zaliha isu seperti kelulusan pembangunan, urusan tanah, lesen peniaga kecil dan pemberian kontrak masih terdedah kepada manipulasi serta budaya 'penjaga pintu' yang menjejaskan keyakinan rakyat dan pelabur.

Beliau turut mengiktiraf usaha penambahbaikan seperti dilakukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam memendekkan proses kebenaran merancang daripada ratusan hari kepada hanya 21 hari, serta Perbadanan Putrajaya (PPj) yang mempercepatkan kelulusan Perintah Pembangunan (DO) dalam masa sembilan hari.

Walau bagaimanapun katanya kecekapan masa bukan satu-satunya ukuran kejayaan, sebaliknya perubahan menyeluruh termasuk iltizam memimpin dengan integriti adalah penting.

"Reformasi bukan sekadar mempercepat proses atau menandakan kotak semakan. Ia menuntut komitmen terhadap nilai integriti," katanya.

Jelasnya seminar anjuran

bersama JWP dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) itu merupakan inisiatif memperkukuh tatakelola dalam perkhidmatan awam.

"Ia menyokong matlamat Strategi Pencegahan Rasuah Kebangsaan (NACS) meletakkan Malaysia kelompok 25 terbaik dunia bagi Indeks Persepsi Rasuah (CPI) menjelang 2033.

"Insya-Allah jawatankuasa pemacu yang bakal ditubuhkan ini akan menjadi mekanisme utama memastikan pematuhan integriti secara menyeluruh, sekali gus mempertingkatkan imej JWP di mata rakyat dan pelabur," katanya.

Seminar itu turut menampilkan tokoh-tokoh utama dalam bidang integriti termasuk Ketua Pengarah Pusat Anti Jenayah Kewangan Kebangsaan (NFCC), Datuk Seri Shamsun Baharin Mohd Jamil; Ketua Pengarah Persatuan Integriti dan Tadbir Urus Malaysia (MIG), Datuk Seri Akhbar Satar serta bekas Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Sutinah Sutan.



ZALIHA (tengah) bersama tetamu kehormat dan peserta dengan gerakan menolak amalan rasuah dan penyelewengan sempena Seminar Integriti dan Tadbir Urus Pencegahan Rasuah Wilayah Persekutuan.

YWP salur bantuan pendidikan, kesihatan

SEIRING visi dan misi penubuhannya, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) terus membantu warga Wilayah Persekutuan yang berpendapatan rendah dan miskin bandar dalam aspek pendidikan, kebajikan serta sosioekonomi.

Bagi mencerminkan komitmen berterusan tersebut, satu majlis penyerahan bantuan dilakukan melibatkan pelbagai kumpulan sasaran meliputi teras pendidikan, kesihatan, kebajikan dan komuniti.

Timbalan Pengerusi YWP, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata sumbangan berjumlah RM42,839 disampaikan dalam majlis itu.

"Sebanyak RM21,000 diberikan kepada 20 penerima Skim Bantuan Awal IPTA sebagai sokongan kewangan awal kepada pelajar yang akan memulakan pengajian di institusi pengajian tinggi awam pada peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

"Peruntukan RM6,500 diberikan kepada 13 penerima Bantuan Perubatan secara *one-off* bagi membantu kos rawatan, ubat-ubatan dan perkhidmatan kesihatan.

"Ia antara lain bantuan rawatan dialisis, kemoterapi dan fisioterapi bagi merawat penyakit yang dihadapi seperti buah pinggang, kanser dan penyakit kronik lain," katanya dalam Majlis Penyampaian Skim Bantuan IPTA, Bantuan Perubatan dan Bantuan NGO yang diadakan di Wisma YWP.

Selain itu, Mahadi berkata keadaan cuaca yang tidak menentu memberi



MAHADI (tiga kiri) bersama penerima-penerima Bantuan Khas YWP.

impak kepada warga kota di mana enam penerima Bantuan Kecemasan adalah mereka yang terjejas akibat ribut di Kampung Sungai Penchala, Segambut pada Februari serta bencana kebakaran yang berlaku di Kampung Segambut Bahagia, Mac lalu.

"YWP memperuntukkan RM6,000 secara *one-off* untuk membantu proses pemulihan dan meringankan beban pasca bencana.

"Seterusnya sejumlah RM9,339 diperuntukkan secara *one-off* kepada empat badan bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar bagi menjalankan program yang bermanfaat untuk warga Wilayah Persekutuan," katanya.

Mahadi berkata sokongan berterusan daripada komuniti setempat dan juga penyumbang

korporat seperti Bank Simpanan Nasional, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) membuktikan inisiatif seperti ini bukan sahaja dialu-alukan, malah penting dalam menjamin kesejahteraan bersama.

"Saya menyeru syarikat-syarikat korporat, swasta agar terus bersama-sama berganding bahu menjayakan inisiatif seperti ini.

"Walaupun ia mungkin tidak mampu selesaikan keseluruhan cabaran dihadapi, kami berharap ia dapat meringankan beban dialami oleh golongan yang terkesan dan semoga ia mampu memberi sinar harapan sebagai permulaan ke arah masa depan yang lebih cerah," katanya.

Suntik motivasi alam universiti

SERAMAI 300 pelajar sekolah menyertai Program Mega Jelajah Siswa Universiti Malaya (UM) yang bertujuan memberi mereka pendedahan awal kepada dunia akademik.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UM, **Profesor Dr Zamri Radzi**, program tersebut menjadi platform terbaik untuk mendedahkan pelajar kepada dunia akademik dan kehidupan kampus yang penuh dengan peluang dan cabaran.

"Program ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengalami sendiri suasana universiti dan memahami dengan lebih jelas hala tuju mereka selepas SPM.

"Saya amat berbangga melihat kejayaan Mega Jelajah Siswa UM kerana ia bukan sahaja memberikan pengalaman pembelajaran yang berharga, malah berpotensi melahirkan pemimpin masa depan negara dan berharap program ini dapat diteruskan dan diperluaskan agar lebih ramai pelajar mendapat manfaat," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Mega Jelajah Siswa UM, Nur Eliani Alias berkata program itu bukan sahaja membantu pelajar memahami perjalanan akademik selepas SPM, tetapi mengukuhkan semangat mereka untuk terus berjaya dalam bidang sains dan

matematik.

"Melihat pelajar teruja dan bermotivasi tinggi sepanjang program ini benar-benar memberi kepuasan. Saya berharap lebih banyak program seperti ini dapat diadakan untuk manfaat pelajar sekolah di masa akan datang," katanya.

Nur Eliani berkata dengan penyertaan 300 pelajar dari 30 sekolah di daerah Gombak, Selangor, program ini berjaya menghubungkan pelajar sekolah dengan komuniti akademik UM melalui pelbagai aktiviti yang berfokus kepada persediaan akademik dan eksplorasi kehidupan universiti.

"Antara aktiviti yang diadakan sesi teknik menjawab SPM, lawatan kampus serta pameran oleh 12 persatuan pelajar Fakulti Sains.

"Kami mahu program ini menjadi pencetus semangat kepada pelajar sekolah untuk terus berusaha mencapai impian mereka.

"Dengan sambutan yang luar biasa serta impak positif kepada pelajar, Mega Jelajah Siswa UM membuktikan bahawa usaha untuk memperkasa generasi muda melalui pendedahan awal kepada dunia akademik adalah satu langkah penting dalam melahirkan pelajar yang lebih berwawasan dan bersedia menghadapi cabaran masa depan," katanya.

BUKU PALSU DIHASILKAN AI

KU SEMAN KU HUSSAIN

BEBERAPA tahun lalu dunia perbukuan negara heboh apabila ada syarikat menerbitkan beberapa buku yang diterjemah menggunakan aplikasi Google Translate. Bukan sahaja menerbitkan semula dalam bahasa Melayu malah tidak mendapat izin daripada pemilik hak cipta.

Perkara itu menjadi heboh kerana tidak menggunakan penterjemah sebaliknya menggunakan aplikasi. Terjemahan bukan sekadar mengalih bahasa - dari bahasa asal ke bahasa lain. Sebaliknya menuntut penglibatan manusia (penterjemah) yang mempunyai kearifan berbahasa dan faham budaya.



PENULIS BEBAS


Sementara buku pula bukan himpunan huruf, perkataan atau frasa. Buku adalah pemikiran iaitu hanya boleh dihasilkan oleh manusia yang mempunyai kearifan dalam bidang tertentu. Keterlibatan pengarang atau penulis tidak sekadar menulis tetapi menyampaikan pemikiran dengan jelas dan mudah.

Nama pengarang yang tertera pada kulit depan buku adalah satu pembuktian dan kebertanggungjawaban terhadap pemikiran dalam buku berkenaan. Pengarang atau penulis pada sesebuah buku adalah manusia yang mencorakkan hala tuju pemikiran yang hendak disampaikan kepada pembaca.

Walaupun bagaimanapun aplikasi terkini seperti Chat GPT yang menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) juga boleh menghasilkan penulisan yang sama seperti manusia.

Tentulah lebih mudah menghasilkan buku dengan menggunakan Chat GPT berbanding manusia yang terpaksa mengambil masa yang lebih lama. Malah dari sudut produktiviti menggunakan Chat GPT lebih menguntungkan - salah satunya tidak perlu membayar royalti kepada pengarang atau penulis.

Sekalipun begitu, berbalik kepada asas kewujudan buku sebagai wacana pemikiran, menggunakan AI untuk menghasilkan buku dianggap kerja yang tidak bermoral. Malah satu bentuk penipuan kerana kandungan



BUKU yang dihasilkan AI tidak mempunyai kedalaman jiwa yang menjadi ciri-ciri penting sesebuah buku.

dalam buku berkenaan tidak melibatkan pemikiran manusia yang arif dalam bidang-bidangnya.

Dalam dunia perbukuan antarabangsa sekarang sudah disusupi dengan lambakan judul yang dihasilkan oleh teknologi AI walaupun ada tertera nama pengarangnya. Tentulah satu yang ironi apabila manusia membaca 'pemikiran' robot yang dicipta oleh manusia sendiri.

Nilai sesebuah buku terletak pada wibawa pengarang. Sekiranya tidak ada pengarang, biarlah sehebat mana sekalipun persembahan dan data-data dalam buku berkenaan, nilainya hanya helaian-helaian kertas. Fizikal sahaja kelihatan seperti sebuah buku, tetapi hakikatnya hanya kertas-kertas yang dijilid.

Disebabkan hal itu Kesatuan Penulis Amerika telah mengambil inisiatif mengeluarkan sijil perakuan buku yang ditulis oleh manusia. Langkah itu untuk membezakan begitu banyak judul buku yang berada di pasaran yang ditulis oleh robot AI sekalipun ada tertera nama pengarangnya.

Sebenarnya tidak semua yang menjadi penulis buku atau pengarang jujur dan

bertanggungjawab terhadap pekerjaan mereka. Banyak juga pengarang terutama buku-buku terlaris bertindak menjual namanya. Alangkah kecewanya pembaca sekiranya tahu buku yang dibaca bukan hasil daripada pemikiran pengarang.

Buku menjadi medium berpengaruh dalam menyampaikan pemikiran, pengalaman, dan pengetahuan daripada generasi kepada generasi berikutnya. Buku menjadi wadah mengemukakan pandangan, idea dan kehidupan seseorang kepada masyarakatnya.

Disebabkan hal yang demikian, keberadaan manusia iaitu pengarang atau penulis dalam menghasilkan buku adalah tonggakannya. Tidak ada pengarang bukanlah buku namanya. Hanya manusia sahaja yang mempunyai pemikiran, pandangan atau saranan untuk dikongsikan dengan orang lain.

Ada beberapa sebab kita mesti menolak buku yang ditulis oleh AI. Pertama sekali, buku yang ditulis oleh pengarang mempunyai nilai kemanusiaan yang tidak dapat dilakukan oleh AI. Pengarang memberikan sentuhan peribadi pada setiap tulisan melalui pengalaman, perasaan dan pandangan terhadap dunia.

Buku yang dihasilkan oleh AI hanya menyampaikan fakta dan maklumat secara objektif, tetapi ia tidak dapat menyerap dan mengungkapkan kembali pengalaman hidup manusia.

Kedua, setiap pengarang mempunyai gaya penulisan yang berbeza dan cara berfikir yang unik. Melalui buku, pengarang membawa pembaca dalam alam pemikiran dan imajinasinya. Sementara buku yang dihasilkan oleh AI hanya mengikut pola tertentu yang sudah diprogram, tanpa menunjukkan sikap, perasaan atau kreativiti yang merupakan ciri khas manusia.

Ketiga, buku yang ditulis oleh pengarang adalah hasil daripada interaksi manusia dengan dunia sekitarnya. Berbeza dengan AI yang hanya memproses data dan maklumat secara mekanikal dan tidak mampu berinteraksi dengan masyarakat, budaya dan kehidupan sebenar.

Dengan perkembangan algoritma yang canggih, AI tentunya dapat meniru gaya dan struktur penulisan yang dihasilkan oleh manusia. Walaupun begitu kemajuan teknologi AI hanya meniru dan bukan mencipta kandungan sesebuah buku. Disebabkan hal itu para sarjana menganggap buku-buku seperti itu adalah suatu yang memudaratkan dunia perbukuan global.

Malah mendakwa buku yang dihasilkan oleh AI melemahkan kreativiti manusia dan mengurangkan nilai intelektualnya. Tidak seperti manusia yang terinspirasi daripada pengalaman peribadi dan pemerhatian pada alam di sekitar, AI menghasilkan naratif berdasarkan data-data.

Algoritma AI bekerja berdasarkan corak dan analisis data, menggunakan teks yang sedia ada sebagai rujukan menghasilkan kandungan baharu. Akibatnya, buku yang dihasilkan AI tidak mempunyai kedalaman jiwa yang menjadi ciri-ciri penting sesebuah buku.

Memahami pentingnya buku yang ditulis oleh pengarang adalah menghargai sumbangan pemikiran manusia dari sudut budaya dan intelektual.

Langkah yang dilakukan oleh Kesatuan Penulis Amerika menunjukkan buku dihasilkan oleh manusia tetap penting dalam bidang perbukuan.

Langkah itu dapat menangani isu penting yang menggugah dunia perbukuan dengan teknologi yang hampir tidak tertanding hebatnya. Walaupun AI mempunyai merit dari sudut menyelaraskan dan meningkatkan produktiviti, hal yang berkaitan pengalaman manusia tidak dapat ditiru oleh mesin atau teknologi.

Maka apabila seorang pembaca mencapai sebuah buku, mereka bukan sekadar mencari himpunan kata-kata yang disatukan menjadi buku. Mereka mahu lebih daripada itu iaitu menyelidiki dunia yang dicipta oleh perspektif, imajinasi dan suara fikir pengarangnya.


Pemikiran, perasaan dan pandangan yang disampaikan melalui isi kandungan mencerminkan keperibadian atau pendirian manusia yang berada di sebalik keberadaan sebuah buku. Kemajuan dan kemoderanan mempunyai lingkungan atau had pada bidang-bidang tertentu.

Maka sejarah awal kewujudan buku untuk menyebarluaskan sudut pandangan dan pemikiran manusia terus relevan sepanjang zaman. Sebaliknya kemajuan dan teknologi pula tidak sahaja memudahkan, masa yang sama ada ruang yang mendatangkan kerosakan kepada manusia. Salah satunya menjadi pemangkin berleluasanya buku palsu yang ditulis oleh AI.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera:
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
 Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 310 . 25 APRIL - 1 MEI 2025



WETLAND PUTRAJAYA

dengut ekologi

► 10-11

PPJ GIAT PELIHARA KELESTARIAN WETLAND

AINI MAWAWI

MULA dibina pada Mac 1997 dan siap ditakung sepenuhnya pada 2002, Tasik dan Wetland Putrajaya terus mencipta nama dan mempertahankan pengiktirafan antarabangsa sebagai Tapak Demonstrasi Ekohidrologi UNESCO (Eh Demosite) untuk tahun ke-15.



NORMALIZA

Ia terus cemerlang dan menjadi salah satu lokasi terkenal dalam kalangan pengurus tasik di seluruh dunia sebagai badan air buatan yang mengaplikasikan prinsip ekohidrologi berskala besar dengan pembinaan struktur wetland untuk menyelesaikan masalah kualiti air.

Malah, kunjungan hormat delegasi UNESCO Paris yang diketuai Penolong Ketua Pengarah Sains Semula Jadi UNESCO, Profesor Lidia Brito pada 17 Mei 2024 turut mengakui pencapaian ini.

Pembinaan Wetland buatan seluas 200 hektar ini telah dirancang sebagai penyelesaian untuk meningkatkan daya tahan bandar dalam menghadapi pelbagai cabaran. Ia juga memberi impak positif yang signifikan terhadap kesejahteraan penduduk, warga kerja dan pengunjung bandar Putrajaya.

Kini, hampir 30 tahun memberi manfaat kepada kelestarian alam dan kehidupan penduduk, Tasik dan Wetland Putrajaya muncul sebagai produk ekopelancongan ilmiah yang mempromosikan Malaysia di peringkat global.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Alam Sekitar, Tasik & Wetland Perbadanan Putrajaya (PPJ),

Normaliza Noordin, untuk memastikan fungsi dan peranan wetland terus berada di tahap optimum, pihaknya giat melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan, khususnya penanaman semula tumbuhan wetland.

“Ia telah dilaksanakan di sel Upper East 2 (UE2) pada Mei hingga Jun 2023. Aktiviti ini dilaksanakan menyusuli kerja pembuangan kelodak yang telah siap pada Mac 2023. Jumlah keseluruhan tumbuhan wetland yang ditanam ialah 4,874 anak pokok dari spesies *phragmites karka* (rumput gedabong) dan *leptocarpus articulata* (Purun).

Pada tahun lalu, sejumlah 246,000 anak pokok ditanam semula di sel wetland Upper West 8 (UW8), Upper West 5 (UW5) dan Upper West 2 (UW2).

“Selain itu, kita turut memastikan pembersihan rumpai di Central Wetland, di mana rumpai akuatik spesies *hydrilla verticillata* dan *mayaca fluviatilis* mendominasi badan air Central Wetland (CW), Presint 13. Rumpai spesies invasif ini bersifat separa terapung dan membiak dengan agresif.

“Meskipun kehadirannya memberi kesan baik kepada kualiti air dan perlindungan kepada anak-anak ikan, pertumbuhannya yang cepat nyata memperlihatkan sisi visual yang buruk, menyekat aliran air serta melumpuhkan aktiviti rekreasi, memancing dan navigasi bot,” jelasnya.

Tambahnya untuk tindakan interim, kerja-kerja pembersihan rumpai air ini dilaksanakan setiap hari secara manual.

Jentera amphibious excavator juga digunakan secara berkala. Namun, untuk penyelesaian jangka masa panjang, pembuangan kelodak yang kaya dengan nutrien merupakan solusi terbaik dan akan disegerakan.

“Saban tahun, terdapat insiden pencemaran di tasik



dan wetland. Sebahagian insiden pencemaran yang berlaku adalah berpunca daripada kegagalan sistem kumbahan yang mengalirkan bahan cemar terus ke tasik. Meskipun insiden ini berlaku di lokasi terpencil dalam skala kecil, keperluan menjejaki hingga ke peringkat punca adalah mandatori. Setiap insiden perlu ditangani sempurna.

“Bagi insiden pencemaran minyak, selain pembinaan Perangkap Minyak Berpusat (Centralised Oil Interceptor) dan penambahbaikan struktur gabion, pembinaan *floating wetland* di kawasan yang dikenal pasti akan diberikan keutamaan pelaksanaan pada tahun ini.

“Pihak pengurusan turut mengharapkan kerjasama semua pihak untuk mengambil tanggungjawab bersama dalam memastikan tindakan mengekang

pencemaran dilaksanakan di premis masing-masing,” jelasnya.

Normaliza berkata pengurusan tasik dan wetland secara komprehensif merangkumi kerja-kerja penyelenggaraan dan pemantauan kualiti air, flora dan fauna yang dilaksanakan secara harian dan berkala.

“Dengan data-data ini, hala tuju tindakan lanjutan dirangka. Data pemantauan parameter kualiti air akan merumuskan tahap kesihatan ekosistem. Keperluan ini dipenuhi sebagai asas untuk membenarkan sebarang aktiviti air di Tasik dan Wetland Putrajaya.

“Berdasarkan maklumat hidrografi, perancangan kerja korekan dan penanaman semula tumbuhan akuatik di sel-sel wetland dirangka dan dilaksanakan agar wetland terus berfungsi sempurna sebagai loji rawatan air semula jadi,” kata beliau. 





MANFAAT EKONOMI

TASIK dan Wetland Putrajaya menyumbang secara signifikan kepada ekonomi melalui peranannya dalam ekopelancongan, penyelidikan dan perkhidmatan ekosistem.

Satu kajian pada 2015 yang dibiayai oleh UNESCO Jakarta mengenai nilai ekonomi perkhidmatan ekosistem Tasik dan Wetland Putrajaya menganggarkan nilainya sekitar RM5.88 bilion. Kajian kedua yang

disiapkan pada 2024 menunjukkan peningkatan nilai kepada RM15.17 bilion.

Mengikut kerangka The Economics of Ecosystem and Biodiversity (TEEB), kajian Nilai Ekonomi Keseluruhan (TEV) bagi Tasik dan Wetland Putrajaya secara menyeluruh terhadap perkhidmatan ekosistem dalam menyokong pembangunan mampan dan usaha pemuliharaan alam sekitar di Putrajaya. 

EKOPELANCONGAN

OBJEKTIF utama pembangunan tasik sebagai hab aktiviti sukan air dan rekreasi bertaraf dunia telah berjaya dicapai melalui pelaksanaan pelbagai program sepanjang tahun.

Kejayaan ini disokong dengan pencapaian Indeks Kualiti Air (IKA) tahunan bagi Tasik dan Wetland dari 2001 hingga 2024 yang kekal dalam julat Kelas II, iaitu sesuai untuk aktiviti yang melibatkan sentuhan badan dengan air. Malah, ada ketikanya IKA mencatatkan pencapaian Kelas I. Antara aktiviti renangan air terbuka (*open water swimming*), pertandingan perahu naga,

memancing, berkayak dan ski air.

Kawasan ini menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan berkaitan ekopelancongan kepada pengunjung. Antara produk pelancongan yang ditawarkan Glamping @ Wetland (GL@W) selain kemudahan Pantai Floria iaitu sebuah pantai berpasir air tawar buatan serta tapak perkemahan.

Selain itu, spesies orkid papilionanthe hookeriana yang berasal dari Kinta, Perak dan kini semakin terancam habitatnya, turut didapati tumbuh mekar di kawasan Wetland Putrajaya, menambah lagi nilai ekologi kawasan tersebut. 

SANTUARI BURUNG

KEPELBAGAIAN spesies pokok dan persekitaran akuatik yang kaya telah menarik lebih 130 spesies burung yang menetap sepanjang tahun, termasuk burung kecil dan burung air besar yang bersarang dan membiak di sini.

Santuari burung ini terletak di Upper Bisa Wetland dan Central Wetland, terdiri daripada pulau-pulau buatan yang berfungsi sebagai tempat perlindungan pelbagai spesies burung. Ekosistem yang kaya dengan sumber makanan membolehkan pembiakan sepanjang tahun bagi spesies seperti Pucong Serandau, Pucong Seriap dan Pucong Kuak.

Musim bersarang utama berlaku

dari Mac hingga Ogos, dengan spesies seperti Burung Botak Padi, Bangau Kecil dan Bangau Kendi membentuk koloni besar di pulau-pulau ini.

Santuari ini juga menjadi lokasi penting untuk aktiviti pemerhatian burung liar, termasuk lebih 50 spesies burung migrasi seperti Sambar Kecil, Helang Baza, Kedidi Pasir dan Pipit Batu. Burung-burung ini berhijrah sejauh lebih 10,000 km melalui Laluan Migrasi Asia Timur-Australasia, melibatkan negara seperti Rusia, China, Jepun dan New Zealand.

Musim migrasi berlaku dari Oktober hingga Mac, menawarkan peluang melihat spesies burung yang jarang ditemui. 

TAPAK PENDIDIKAN

UNESCO Ecohydrology Demosite turut menekankan tentang pengintegrasian penglibatan pihak awam. Justeru, saban tahun dilaksanakan pelbagai program yang menjurus kepada penyertaan awam, dengan sasaran peserta dalam kalangan pelajar sekolah, mahasiswa institusi pengajian tinggi, golongan profesional serta orang awam secara amnya.

Antara program yang dijalankan Young Water Scientist, Young Ecologist, Putrajaya Lake & Wetland Explorace.

Program Environmental &

Ecosystem Educational Program (3EP) turut dilaksanakan bagi memberi pendedahan pembelajaran tentang ekosistem, khususnya berkaitan Wetland Putrajaya.

Modul Tasik dan Wetland turut menjadi sebahagian daripada pengisian Kem Pemimpin Muda Prihatin Air Peringkat Kebangsaan yang dilaksanakan secara berkala di seluruh Malaysia. Program ini adalah sebahagian daripada aktiviti di bawah Jawatankuasa Pendidikan, Latihan dan Penerangan Awam, UNESCO-IHP Malaysia.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN



Ia juga sering menjadi destinasi lawatan ilmiah, penanda aras tapak rujukan dan perkongsian ilmu. Pada 2023, seramai 639 orang daripada 20 kumpulan delegasi dalam dan luar negara telah mengadakan lawatan, termasuk dari Liverpool John Moores University, United Kingdom.

Maklumat berkaitan Pengurusan Tasik dan Wetland Putrajaya turut dikongsikan bersama komuniti melalui pelbagai bentuk bengkel dan persidangan dalam negara dan luar negara. 



LORONG BUKU KHAZANAH NOSTALGIA

SHUAIB AYOB

WUJUD sejak puluhan tahun lalu ketika era Kuala Lumpur sedang membangun, toko buku sedang membangun, toko buku Junk Book Store antara yang masih bertahan 'menyimpan' pelbagai khazanah nostalgia di tengah-tengah kesibukan ibu kota.

Biar pun luarannya kelihatan usang, ia tetap menjadi magnet menarik orang ramai mengunjunginya menjejaki kisah-kisah lama yang tercatat di lorong-lorong tua di Jalan Tun H.S. Lee.

Sesiapa sahaja yang melangkah masuk ke dalam pasti tahu bahawa tempat ini adalah lokasi tersimpannya 'harta karun', terutama bagi pencinta buku.

Di setiap sudut tersusun rak kayu yang dipenuhi naskah

novel klasik sehinggakan komik-komik yang dahulunya menjadi kegilaan anak muda.

Sungguhpun begitu, daya tarikan Junk Book Store adalah 'aroma' suasananya yang mengimbau zaman.

Setiap buku yang disusun memiliki cerita tersendiri, ditambah dengan pemuzik jalanan yang hadir mendendangkan lagu-lagu akustik, membuatnya hidup dengan nostalgia.

Bagi kebanyakan orang, Junk Book Store bukan sekadar toko buku. Ia adalah tempat mengenang masa lalu.

Lensa Wilayahku berkesempatan merakamkan suasana kedai buku yang hidup dengan seribu satu kenangan ini. 





Aktiviti popular merambat, membinturketam, naik perahu

SELAMI HIDUP MASYARAKAT KAMPUNG AIR

KHAIRUL IDIN

PULAU Labuan sememangnya amat terkenal dengan industri perkapalan minyak dan gas serta Pusat Kewangan Pesisir Luar Pantai sejak diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1984.

Labuan kemudiannya menjadi pulau berdaya saing dalam pembangunan serta ekonomi yang menjadi salah satu wilayah menyumbang sebanyak RM1 bilion kepada pendapatan negara pada setiap tahun dan merupakan penyumbang KDNK per kapita kedua tertinggi di Malaysia.

Namun di sebalik kemegahan dalam arus kemodenan yang telah dikecapi sehingga kini, kehidupan masyarakat dalam tradisi turun-temurun, adat dan kebudayaan masih terpelihara walaupun hidup secara bermasyarakat dengan pelbagai kaum.

Antara adat tradisi yang masih dikekalkan sehingga kini oleh suku kaum Kadayan Brunei yang merupakan kaum utama di Labuan iaitu konsep rumah atas air yang terletak di Kampung Patau-Patau Dua sejak dahulu lagi.

Seni bina dan konsep perkampungan air banyak dipengaruhi budaya Brunei-Melayu. Sehingga hari ini, penduduk kampung menerapkan budaya dan adat Kadayan Brunei ke dalam kehidupan seharian mereka di samping penambahan kemodenan.

Selain memartabatkan kebudayaan, salah satu perkampungan atas air yang ada di pulau ini iaitu Kampung Patau-Patau Dua turut menjadi lokasi pelancong luar dan dalam negara untuk menikmati serta merasai

suasana perkampungan yang sudah tentunya memberikan ketenangan selain dapat mengimbau kenangan pada masa dahulu.

Jika anda merancang untuk bercuti bersama keluarga atau rakan, sudah tentunya Labuan harus menjadi salah satu pilihan mencari kedamaian setelah penat bekerja di persekitaran bandar yang sibuk.

Bila menjejaki di pulau ini, jangan lepaskan peluang untuk menginap di Lela Homestay yang terletak di Kampung Patau-Patau Dua yang menawarkan satu pengalaman penginapan ala perkampungan atas air yang pasti mendamaikan dengan suara ombak laut dan persekitaran kampung yang cukup menenangkan.

Selain itu juga, pada waktu pagi pengunjung berpeluang menyaksikan pemandangan matahari terbit yang indah dengan latar belakang laut biru yang luas.

Di samping itu, pelbagai aktiviti boleh dilakukan seperti merambat, membinturketam (menangkap ketam), mengelilingi kampung menaiki perahu dan sebagainya.

Pengusaha Lela Homestay, **Karim Abdullah**, 55, berkata homestay atau inap desa itu diwujudkan hasil idea isterinya yang melihat perniagaan sewa rumah sementara amat berpotensi untuk menjana pendapatan.

Jelasnya dengan kelebihan yang ada sebagai penduduk kampung di sini, dia melihat kampung itu sering menjadi lokasi wajib dikunjungi pelancong yang tertarik dengan kebudayaan, adat dan cara hidup masyarakat di sini.

"Kami mengusahakan homestay ini bermula awal 2009.

Ramai juga penduduk yang turut mengusahakan homestay kerana kampung ini amat terkenal sebagai kampung pelancongan yang berada di atas air.

"Pada permulaan itu, kami juga dikehendaki mengikut pelbagai kursus yang dianjurkan oleh agensi kerajaan untuk memastikan setiap pengoperasian inap desa menepati syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

"Syukur alhamdulillah, setelah 15 tahun dalam bidang ini kami sentiasa menerima kehadiran pelancong seperti dari Jepun, Australia, Itali dan negara-negara Eropah lain serta pelancong dalam negara," jelasnya sambil menambah pendapatan inap desanya itu mampu menampung perbelanjaan keluarganya.

Karim memberitahu inap desa diusahakannya menawarkan pelbagai aktiviti masyarakat kampung yang majoritinya golongan nelayan untuk dirasai oleh pelancong.

SELAIN menikmati pemandangan menarik, pelancong berpeluang merasai sendiri pengalaman unik kehidupan harian masyarakat.



KARIM Abdullah menunjukkan cara-cara melabuh bubu (bintur) ketam di Kampung Air Tradisi Patau-Patau, Labuan.

Antara aktiviti yang ditawarkan adalah memancing, melabuh bubu/bintur ketam, menaiki perahu mengelilingi kampung air dan pengalaman kehidupan seharian masyarakat.

"Kami juga menyajikan pelbagai makanan tradisi kepada pelanggan seperti ambuyat, bubuk (udang geragau), masakan kaum Kadayan dan sebagainya.

"Antara aktiviti yang paling digemari oleh pelancong ialah memasang perangkap ketam iaitu membubu bintur ketam menggunakan bintur jenis rawai yang diperbuat daripada besi.

"Pengalaman seperti ini menjadi satu tarikan yang ada di kampung ini," katanya dengan harga yang ditawarkan untuk menginap di inap desanya bermula RM80 (dua individu) dan RM160 (keluarga) untuk satu malam.

Karim mengakui inap desanya hanya berkeluasan yang terhad namun dia tidak pernah menjadikan perkara itu sebagai halangan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

"Inap desa kami ini hanya sebuah rumah yang dibahagikan dua, mempunyai dua bilik namun rata-rata pelanggan amat selesa dengan perkhidmatan yang kami berikan.

"Pada masa akan datang, perancangan kami untuk menambah baik kemudahan agar dapat memastikan keselesaan pelanggan dan apa yang paling kami utamakan adalah kebersihan kerana setiap perkhidmatan yang diberikan mencerminkan budaya kita," katanya. 



LELA Homestay turut menawarkan aktiviti bersiar-siar di Kampung Patau-Patau Dua dengan menaiki bot.



Ramai terpengaruh sehingga abaikan pendidikan

KECICIRAN PELAJAR DAN PENGARUH PEMPENGARUH

MOHD KHAIRI ISMAIL

DALAM era digital yang berkembang pesat, media sosial menjadi satu platform yang bukan sahaja digunakan untuk komunikasi tetapi sebagai sumber pendapatan bagi golongan tertentu.

Fenomena pempengaruh (*influencer*) atau individu yang mempunyai pengaruh besar di media sosial, telah menarik perhatian ramai, terutamanya golongan muda.

Namun di sebalik populariti yang meningkat, fenomena ini turut menimbulkan kebimbangan berkaitan dengan keciciran pelajar. Ramai pelajar kini terpengaruh dengan gaya hidup *influencer* sehingga mengabaikan kepentingan pendidikan.

Artikel ini membincangkan bagaimana pengaruh *influencer* di media sosial boleh menyumbang kepada keciciran pelajar serta cabaran yang dihadapi dalam mengekang isu ini.

Salah satu faktor utama yang menyebabkan keciciran pelajar ialah daya tarikan gaya hidup yang dipaparkan oleh *influencer*.

Ramai *influencer* di media sosial menunjukkan kehidupan yang serba mewah, dengan percutian eksklusif, pakaian berjenama dan pendapatan lumayan hasil daripada kandungan (*content*) yang mereka hasilkan.

Pelajar yang melihat kejayaan ini mungkin mula merasakan bahawa pendidikan formal tidak lagi relevan.

Mereka terdorong untuk meninggalkan pelajaran bagi mengejar impian menjadi *influencer* kerana menganggapnya sebagai jalan pintas untuk memperoleh kekayaan tanpa perlu melalui proses akademik yang panjang dan mencabar.

Selain itu, kisah kejayaan *influencer* yang pernah tercicir daripada sekolah atau universiti juga sering menjadi inspirasi kepada pelajar.

Terdapat ramai personaliti media sosial yang berkongsi perjalanan mereka keluar daripada sistem pendidikan dan akhirnya berjaya dalam industri hiburan atau perniagaan.

Walaupun kisah-kisah ini memberi inspirasi, ia juga memberi tanggapan yang salah bahawa keciciran bukanlah suatu masalah besar, malah boleh membawa kejayaan.

Realitinya, kejayaan tanpa pendidikan hanya dapat dicapai oleh segelintir individu yang mempunyai keunikan tertentu, manakala majoriti mereka yang tercicir mungkin berdepan dengan kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan stabil pada masa hadapan.

Pengaruh media sosial juga membawa kepada perubahan dalam keutamaan pelajar.

Dengan banjir aplikasi seperti TikTok, Instagram dan YouTube, ramai pelajar lebih cenderung menghabiskan masa menghasilkan kandungan digital daripada menumpukan perhatian kepada pembelajaran mereka.



KANAK-KANAK mudah terpengaruh dengan kemewahan pempengaruh sehingga sanggup mengabaikan pendidikan.



Realitinya, kejayaan tanpa pendidikan hanya dapat dicapai oleh segelintir individu yang mempunyai keunikan tertentu, manakala majoriti mereka yang tercicir mungkin berdepan dengan kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan stabil pada masa hadapan.

Godaan untuk memperoleh jumlah tontonan yang tinggi dan mendapatkan pendapatan melalui tajaan atau iklan menyebabkan ramai pelajar mengabaikan tanggungjawab akademik mereka.

Malah, ada dalam kalangan mereka yang sanggup meninggalkan sekolah atau kolej semata-mata untuk memberikan sepenuh perhatian kepada kerjaya sebagai *influencer*.

Di samping itu, tekanan sosial untuk menjadi terkenal di media sosial juga boleh memberi kesan kepada kesihatan mental pelajar.

Demi mengejar populariti, mereka sering mengalami tekanan untuk mencipta kandungan yang menarik, mendapatkan lebih banyak pengikut dan mengekalkan imej yang digemari oleh audiens.

Tekanan ini bukan sahaja mengganggu fokus mereka terhadap pelajaran, tetapi boleh menyebabkan keletihan emosi dan mental.

Dalam kes yang lebih serius, mereka yang gagal mencapai populariti yang diinginkan mungkin mengalami kemurungan dan kecemasan, yang akhirnya menyumbang kepada keciciran mereka daripada sistem pendidikan.

Selain pengaruh negatif, media sosial dan *influencer* juga boleh memberikan kesan positif jika digunakan dengan betul.

Terdapat *influencer* yang berkongsi kandungan berkaitan pendidikan, motivasi dan pembangunan diri, yang boleh membantu meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran.

Jika *influencer* yang berpengaruh dapat menggunakan platform mereka untuk menekankan kepentingan pendidikan dan

keeseimbangan antara akademik dan minat peribadi, mereka boleh memainkan peranan penting dalam mengurangkan kadar keciciran pelajar.

Untuk menangani isu keciciran pelajar akibat pengaruh *influencer*, beberapa langkah boleh diambil.

Pihak sekolah dan institusi pendidikan perlu memberi kesedaran kepada pelajar mengenai realiti dunia *influencer* dan cabaran yang dihadapi dalam industri ini.

Pendidikan digital harus diperkenalkan bagi membantu pelajar memahami perbezaan antara dunia maya dan realiti sebenar.

Selain itu, ibu bapa perlu memainkan peranan dalam memantau aktiviti media sosial anak-anak mereka serta memberikan bimbingan mengenai kepentingan pendidikan.

Kerajaan dan badan berwajib juga boleh mengambil inisiatif untuk mengawal kandungan yang boleh memberi impak negatif kepada pelajar.

Polisi tertentu boleh diperkenalkan untuk memastikan bahawa *influencer* yang mempunyai pengaruh besar mematuhi garis panduan yang tidak menggalakkan keciciran

pelajar.

Selain itu, kempen kesedaran boleh dijalankan bagi menekankan kepentingan pendidikan dan memperkenalkan kisah kejayaan individu yang mencapai kejayaan melalui akademik.

Secara keseluruhannya fenomena *influencer* di media sosial memberi kesan yang besar terhadap pelajar, sama ada secara positif mahupun negatif.

Walaupun peluang dalam dunia digital semakin berkembang, kepentingan pendidikan formal tidak boleh dikesampingkan.

Adalah penting untuk membimbing pelajar supaya mereka dapat menyeimbangkan antara minat dalam dunia digital dan tanggungjawab akademik mereka.

Dengan kerjasama antara pihak sekolah, ibu bapa, kerajaan dan *influencer* sendiri, isu keciciran pelajar akibat pengaruh media sosial boleh dikawal dan dikurangkan, sekali gus memastikan masa depan generasi muda lebih terjamin.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

Peserta tidak akan ditinggalkan separuh jalan

MUNCUL USAHAWAN BERJAYA

AINI MAWAWI

DALAM hidup ini tidak semua bernasib baik dalam pendidikan.

Ada yang terkandas di pertengahan jalan dan tidak kurang juga yang tidak mampu untuk menyambung pengajian kerana kesempitan hidup.

Simpati dengan nasib mereka, usahawan berjaya, **Datuk Zamshuri Ramli**, 54, tampil membantu dengan niat untuk memastikan adanya peluang untuk masyarakat mengubah kehidupan.

"Inilah salah satu cara untuk saya menolong mereka yang susah sekali gus menjalankan tanggungjawab sosial terus menyumbang kepada masyarakat yang memerlukan.

"Jika mereka ini tidak mempunyai sijil pelajaran sekalipun jika ada usaha, saya yakin siapa sahaja boleh berjaya tetapi yang paling penting kehadiran saya di sini adalah untuk memastikan ia dapat direalisasikan," jelas beliau kepada Wilayahku.

Tambahnya setakat ini, beliau telah membantu lebih daripada 7,000 usahawan melalui Program Pembangunan Usahawan Waqaf Digital yang pertama di Malaysia.

"Saya beri peluang kepada mereka yang berumur 18 hingga 55 tahun untuk bergelar usahawan. Syaratnya mereka ini perlulah terdiri daripada individu yang sentiasa berfikiran positif dan bersemangat



MEREKA yang terpilih melalui sesi temu duga akan ditaja selama tiga tahun sehingga mahir untuk berdiri sendiri setelah tamat program yang disertai.

untuk berjaya.

"Sesiapa yang terpilih melalui sesi temu duga akan ditaja selama tiga tahun sehingga mahir untuk berdiri sendiri setelah tamat program itu nanti. Kita tidak akan tinggalkan mereka separuh jalan seperti banyak kes yang berlaku.

"Selain itu, mereka mesti bersedia untuk menjadi usahawan serta dalam masa yang sama berminat dengan jualan serta pemasaran," kata beliau yang lebih dikenali sebagai Master Coach HBA.

Ditanya tentang cabaran yang

biasanya dilalui oleh mereka yang ingin menjadi usahawan, Zamshuri berkata ilmu adalah perkara paling utama kerana tanpanya tidak mungkin seseorang itu mampu bertahan.

"Apa sahaja perniagaan, kita tidak boleh sekadar minat sahaja tanpa adanya ilmu. Lebih-lebih lagi zaman kecanggihan teknologi maklumat hari ini, saingan semakin hebat, semua di hujung jari sahaja, kalau kita terlewat akan ketinggalan.

"Jadi, disebabkan itu jugalah, saya lihat, kalau tidak diberikan



peluang kepada mereka ini, maka tiada ruang untuk mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik. Lebih-lebih lagi agak sukar bagi mereka yang tiada pendapatan tetap untuk mendapatkan modal berniaga.

"Jika terpilih dalam program tersebut, modal permulaan asas akan ditaja selain latihan keusahawanan dan mentor-mentee percuma selama tiga tahun," katanya yang menerima Anugerah Bintang Usahawan Negara 2025 baru-baru ini.

Beliau turut berharap agar mereka yang telah diberi peluang tidak mensia-siakannya kerana kesempatan tidak akan datang banyak kali.

"Terpulang kepada diri sendiri untuk menggunakan peluang yang terbentang di depan mata atau sekadar membiarkannya berlalu pergi.

"Saya percaya pada masa kini orang ramai berebut-rebut untuk menyertai program sebegini," katanya yang juga bekas pelakon popular sekitar era 90-an. 

Raih kepercayaan pengguna melalui R&D

LAMBAKAN suplemen produk kesihatan di pasaran amat membimbangkan sehingga membuatkan ramai yang tertipu gara-gara taktik pengiklanan yang hebat.

Menyedari hal itu, ramai pengusaha yang bingung untuk memasarkan produk hanya kerana sikap tidak bertanggungjawab segelintir pihak.

Mengulas tentang hal itu, Ketua Pegawai Eksekutif Naturmeric, **Shah Hafizul Manzar** berkata bukan mudah untuk mendapatkan kepercayaan pelanggan terutamanya jika melibatkan hal kesihatan tubuh badan.

"Pengguna sekarang ramai yang bijak, kecanggihan teknologi hari ini digunakan untuk mencari ilmu tentang sesuatu produk sebelum memutuskan untuk menggunakannya. Jadi, kita sebagai pengusaha perlu bertindak dengan jujur, jangan sewenang-wenangnya menipu.



SHAH HAFIZUL

"Usah lokek melabur bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk memastikan produk yang akan dipasarkan benar-benar selamat digunakan oleh pelanggan," katanya yang mengusahakan produk kunyit hitam. Naturmeric untuk suplemen kesihatan.

Bercakap kepada Wilayahku, beliau sanggup mengambil masa yang lama supaya produk suplemen dalam bentuk kapsul yang dihasilkan tidak mendatangkan kemudaratkan kepada pengguna.

"Saya lihat tidak ramai syarikat tempatan dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang memandang serius perkara ini. Tidak dinafikan mungkin kerana ia memakan masa yang lama serta bajet yang besar namun saya melihat R&D ini adalah pilihan berani sebelum mengorak langkah yang lebih jauh di masa depan.

"Menyedari hal itu, saya cabar diri membawa sumber bahan mentah ini

ke Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk diuji secara komprehensif. Ditambah dengan produk berasaskan herba ini mempunyai banyak kebaikan," jelasnya.

Shah Hafizul turut menjadikan dirinya sebagai testimoni dalam menilai tahap keberkesanan kunyit hitam yang berasal dari India serta agak sukar untuk diperolehi itu.

"Jadual harian saya agak padat dan kurang masa untuk berehat, jadi saya turut mengamalkan pengambilan kunyit hitam yang digabungkan dengan habbatus sauda serta madu. Alhamdulillah ada perubahan yang saya dapat rasakan pada tubuh sekali gus menjadikan saya lebih yakin untuk menjadikannya produk komersial.

"Seperti yang sedia maklum, kunyit hitam merupakan bahan semula jadi yang sememangnya menjadi pilihan terkenal sebagai salah satu agen anti radang selain kaya dengan curcumin dan antioksidan untuk melawan radikal bebas dan masalah peredaran darah," katanya yang kini turut mengusahakan ladang penanaman kunyit hitam seluas 40 hektar di Johor Bahru. 



SUMBER bahan mentah dibawa ke UPM untuk diuji secara komprehensif dalam menilai tahap keberkesanan kunyit hitam.

BOLA KINI DI KAKI TAN SRI ZUKI

ZULKIFLI SULONG

AKHIRNYA bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim bersuara menjawab isu Kampung Sungai Baru.



PENULIS BEBAS

Shahidan terpaksa menjawab selepas bekas Perdana Menteri ketika beliau memegang jawatan Menteri Wilayah Persekutuan iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin menafikan terlibat dalam pengambilan tanah di situ.

Menurut Muhyiddin, beliau tidak tahu-menahu mengenainya dan tidak terlibat dengan pengambilan tanah itu.

Pada 23 April, Shahidan menjawab isu ini dengan melepaskan bebanan kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) kerana semua tanah di Wilayah Persekutuan terletak secara langsung di bawah KSN.

Ahli Parlimen Arau itu mendakwa semua tanah di Wilayah Persekutuan berada di bawah bidang kuasa KSN dan Perdana Menteri.

Menurutnya urusan pengambilan atau penjualan mana-mana tanah dalam Wilayah Persekutuan dikendalikan oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan iaitu sebuah badan yang dipengerusikan KSN.

Katanya kuasa tersebut tidak dipegang oleh seseorang Menteri Wilayah Persekutuan.

"Pengambilan atau penjualan tanah dibuat terus (oleh jawatankuasa itu) dan duitnya pergi ke Kerajaan Persekutuan. Semuanya dipengerusikan oleh KSN.

"Menteri Wilayah hanya terlibat dengan pembangunan setelah tanah itu dimiliki pihak swasta dan (apabila) pembangunan nak dimulakan," katanya pada sidang media di Kuala Lumpur selepas nama beliau dipetik oleh penduduk Kampung Sungai Baru.

Sebelum ini, 23 Ahli Parlimen PN yang diketuai Timbalan Pengerusi PN, Datuk Seri Hamzah Zainudin turun ke Kampung Sungai Baru kononnya untuk membela mereka.

Namun bagi pemerhati, mereka bertujuan untuk menunggang isu itu untuk kepentingan politik.

Tetapi, Timbalan Presiden Pas yang juga Ahli Parlimen Kubang Kerian, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man yang turut menyertai perhimpunan itu meminta pihak-pihak yang terlibat dalam pengambilan tanah ini memberikan penjelasan mengenainya.

Beliau berpendapat ada kewajaran bagi pihak yang terlibat dengan isu pengambilan tanah Kampung Sungai Baru di Kuala Lumpur ketika pentadbiran PN untuk memberi penjelasan.

"Ini (isu) dah lama, jadi saya ingat ia perlu penjelasan daripada pihak berkenaan, pada waktu itu.

"Sebab ini legasi yang wujud sejak bertahun-tahun sebelumnya.

"Saya sendiri secara peribadi (rasa)



KAMPUNG Sungai Baru kini menjadi perdebatan politik antara pelbagai pihak termasuk bekas menteri.

kita perlukan penjelasan terhadap perkara-perkara tersebut, apa yang berlaku pada tempoh tersebut perlu penjelasan lanjut," katanya kepada Malaysiakini.

Tuan Ibrahim berkata demikian selepas Pengerusi Jawatankuasa Sementara Penduduk Kampung Sungai Baru, Zainab Alias mendakwa beberapa bekas menteri dan wakil rakyat terdahulu menyebelahi pema-ju.

Selepas itulah, tiba-tiba sahaja Muhyiddin membuat kenyataan media kononnya beliau tidak terlibat dengan pengambilan tanah di situ.

Berbalik kepada penjelasan Shahidan, tanah di Wilayah Persekutuan terletak di KSN dan Perdana Menteri secara langsung, bukan di bawah Menteri Wilayah Persekutuan.

Namun, bagi bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad yang banyak memperjuangkan isu ini, Muhyiddin tidak boleh terlepas tangan.

Ini kerana katanya ia berlaku ketika Ahli Parlimen Pagoh itu menjadi Perdana Menteri dan perkara ini sepatutnya dibincangkan dalam Kabinet - melainkan Jemaah Menteri ketika pentadbiran PN itu membuat keputusan sesuka hati.

"Kerana mereka (dalam) kerajaan yang sama, sepatutnya perkara ini dibincangkan dalam Kabinet, lainlah nak beritahu bahawa kerajaan ketika itu semua jalan ikut suka.

"Muhyiddin pun tak boleh lepas tangan nak kata dia tak terlibat, sedangkan dia Perdana Menteri ketika itu apabila Tan Sri Annuar Musa (Menteri Wilayah Persekutuan ketika itu) gunakan Akta Pengambilan Tanah 1960.

"Saya nak nyatakan semua ahli-ahli Parlimen PN, sama ada Pas atau Bersatu tidak boleh lepas tangan kerana mereka berada di Parlimen apabila saya membantah tindakan Annuar di Dewan Rakyat dan sehingga ke tahap

kena berhujah dengan Shahidan dalam kamar khas berhubung isu Kampung Sungai Baru.

"Ahli Parlimen (PN) yang berpuluh-puluh (orang) itu mendiamkan diri," kata Khalid dalam satu wawancara dengan media.

Kini Shahidan meletakkan beban tanggungjawab dan kesalahan dalam isu Kampung Sungai Baru ini kepada KSN. Jika tidak silap saya, KSN ketika itu adalah Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Jadi Tan Sri Zuki yang menjadi KSN ketika Annuar Musa adalah Menteri Wilayah Persekutuan yang menggunakan Akta Pengambilan Tanah 1960 ini untuk merampas tanah penduduk Kampung Sungai Baru perlu memberikan penjelasan.

Apakah benar beliau bertanggungjawab ke atas pengambilan tanah ini dengan menggunakan Akta Pengambilan Tanah itu, Tan Sri Zuki, yang kini telah bersara dan menjadi Pengerusi KWSP, kena membuat penjelasan.

Ini kerana, Shahidan telah menendang bola ke kaki beliau dan beliau perlu memastikan bola itu terus bergolek dan kita lihat siapa pula yang akan kena selepas ini.

Kepada Rafidah Ibrahim, pempengaruh yang bising memperjuangkan isu ini perlu kekal tenang, jangan sampai gegandang telinga anaknya pecah pula, kerana bunyi kuat dari pembesar suara beliau.

Bincanglah dengan peguam untuk menjawab surat tuntutan Khalid kerana ia telah dihantar kepada beliau. Teruskan perjuangan anda mempertahankan hak anda dan penduduk Kampung Sungai Baru tetapi jangan sampai menyerang pihak yang salah sekali lagi.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.



Program pemutihan penjaja

MASIH ada harapan untuk penjaja tidak berlesen, juga dikenali sebagai penjaja 'rambo', di Kuala Lumpur memperoleh lesen bagi membolehkan mereka berniaga secara sah dengan mematuhi peraturan ditetapkan.

Pihak penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pun tidak perlu lagi 'mengusik' mereka dan bertindak kerana menjaja secara haram.

Memetik Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, beliau meminta DBKL melaksanakan proses pemutihan di seluruh Kuala Lumpur sebagai sebahagian komponen inisiatif Lestari Niaga yang digerakkan dua tahun lalu.

Melalui proses ini, peniaga tidak berlesen akan diberi lesen.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, usaha pemutihan ini menyerlahkan usaha murni dan bersungguh-sungguh Kerajaan MADANI untuk memberi peluang kepada mereka yang minat berniaga mencari rezeki menurut undang-undang.

Walaupun matlamat pemutihan ialah untuk memberi lesen, bukan semua penjaja 'rambo' akan secara automatik mendapat lesen. Ada kriteria ditetapkan yang perlu dipatuhi oleh pemohon.

Oleh itu, kawan-kawan Kedai Kopi menggesa penjaja tidak berlesen gunakan peluang yang diberi oleh kerajaan untuk memohon lesen. Jika tidak, setelah tempoh berakhir pada Ogos, tindakan penguatkuasaan lebih tegas akan diambil. Sediaalah terima risiko.

Memintas Terowong Menora

SETIAP pengguna Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dari selatan ke utara dan sebaliknya pasti menempuhi laluan Terowong Menora. Segmen antara Ipoh dan Kuala Kangsar ini dianggap sensitif dan berbahaya.

Ini kerana kerap berlaku kemalangan maut di laluan tersebut, terutama dalam kesesakan lalu lintas semasa musim perayaan atau cuti sekolah. Risiko kemalangan tinggi kerana terdapat pemandu memandu laju bila keluar dari terowong, arah ke utara khususnya.

Selepas keluar terowong ke utara, laluan berselekeh menuruni bukit serta curam. Di sinilah kerap berlaku kemalangan. Jika laju, kenderaan boleh terbabas, membahayakan diri sendiri dan pemandu

lain. Kerana itu di permukaan jalan dibuat garis tebal agar pemandu memperlahankan kenderaan.

Berikutan kerapnya kemalangan dan dalam usaha mengelakkan kesesakan, timbul gesaan agar kerajaan membina laluan alternatif untuk ke utara dan selatan, tanpa melalui Terowong Menora.

Kerajaan bersetuju melaksanakannya pembinaan Lebuhraya West Ipoh Span Expressway (WISE) menghubungkan Gopeng dan Kuala Kangsar. Ia dijangka bermula Ogos ini.

Namun apa yang penting, pemandu mesti sentiasa berhati-hati. Jalan raya boleh dibina atau ditambah baik, tetapi akhirnya sikap pemandu menentukan keselamatan di jalan raya.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan pertemuan bersama Pengasas Biance, CZ baru-baru ini.



ISTERI Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Bandar Tun Razak di Kompleks Sukan Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur pada Ahad.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Sekijang yang diadakan pada Isnin.



MENTERI Pendidikan, Fadhlina Sidek hadir menyampaikan ucap tama pada acara Empowering Education Summit 2025.



MENTERI Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi menerima kunjungan hormat daripada pasukan Sarawak Media Group (SMG) di Kementerian Kerja Raya.



MENTERI Perlindungan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani mengadakan perjumpaan bersama Yang Dipertua PIBG SMK Aminuddin Baki Kuala Lumpur dan barisan pentadbiran sekolah bagi membincangkan isu infrastruktur serta keperluan pelajar tingkatan 4 dan 5.



JANGAN KONGSI OTP (One-Time Password)



OTP ANDA, RAHSIA ANDA!
JANGAN KONGSI. JANGAN TERTIPU.
TIADA SESIAPA PERLU TAHU OTP ANDA.
KALAU DIMINTA?  **ITU SCAM!**



Suruhanjaya Komunikasi
dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



skmm_mcmc



MCMCTV

Hotel Labuan diisytihar tidak selamat

BANGUNAN IKONIK DIROBOHKAN

KHAIRUL IDIN

BANGUNAN terbengkalai yang pernah menjadi ikon dan lambang kebanggaan Labuan, Hotel Labuan bakal dirobohkan pada Jun hingga Julai ini bagi memberikan ruang kepada pembangunan baharu.

Bangunan yang mempunyai kira-kira 150 bilik itu diisytiharkan tidak selamat pada 1990-an kerana mengalami kerosakan struktur.

Difahamkan pihak berkuasa ketika itu, Lembaga Pembangunan Labuan (kini dikenali Perbadanan Labuan), telah membuat keputusan untuk menutup hotel tersebut demi keselamatan awam.

Hotel bertaraf tiga bintang itu pernah menjadi tempat penginapan popular bagi pelancong tempatan dan antarabangsa, serta lokasi pertemuan di antara pemimpin kerajaan dan ahli politik.

Namun, sejak ia ditutup sepenuhnya, keadaan hotel itu kini rosak teruk dan mencatatkan pemandangan pusat bandar Labuan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan (PL), **Mohd Sukuran Taib**, pihaknya telah melaksanakan tawaran tender kepada kontraktor berkelayakan bagi kerja-kerja perobohan struktur bangunan tersebut.

Katanya pada Mac lalu pihaknya telah mengeluarkan notis tender terbuka dan bakal melantik kontraktor untuk melaksanakan

kerja-kerja perobohan.

"Sekiranya tiada sebarang pertikaian, kerja-kerja perobohan dijangka bermula antara Jun hingga Julai ini.

"Proses tender bagi projek perobohan hotel itu yang dianggarkan RM5.4 juta telah dimulakan pada 19 Mac lalu. Satu sesi taklimat tender diadakan pada 10 April dan dihadiri seramai 21 kontraktor.

"Dalam proses ini, PL telah menetapkan setiap syarikat kontraktor yang berminat perlu mempunyai lesen-lesen yang diiktiraf CIDB, Gred G6 kategori CE dan B pengkhususan CE21 dan B26. Tarikh penutupan pelawaan itu ditutup pada 30 April," katanya kepada Wilayahku.

Mohd Sukuran berkata selain itu, PL menetapkan kerja-kerja meroboh perlu dilaksanakan dalam tempoh 32 hingga 36 minggu daripada tarikh permulaan kerja.

"Semua penduduk Labuan sedar bahawa Hotel Labuan telah lama terbiar dan oleh itu perlu dirobohkan kerana ia menjejaskan pemandangan.

"Berkenaan kerja-kerja merobohkan hotel tersebut, PL akan melantik kontraktor bagi mengkaji skop tender projek ini," jelasnya.

Beliau menambah pihaknya berharap proses kerja-kerja perobohan itu akan berjalan

dengan lancar dan ia merupakan sesuatu peristiwa bersejarah kepada masyarakat di Labuan.

Mohd Sukuran turut memaklumkan PL akan bekerjasama dengan pelbagai pihak khususnya agensi kerajaan termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) agar proses dan kerja-kerja perobohan bangunan itu mematuhi garis panduan ditetapkan.

Mengulas mengenai perancangan baharu untuk menggantikan bangunan tersebut, Mohd Sukuran berkata pihaknya telah membuat kajian dan penelitian mengenai cadangan pembangunan baharu yang berpotensi.

"Untuk masa ini, kita memfokuskan dahulu mengenai kerja-kerja perobohan ini sehingga selesai. Kita akan berusaha bertemu dengan pelabur mahupun pemaju-pemaju dengan menawarkan lot tapak seluas 1.1 ekar itu untuk dimajukan semula.

"Kita akan usahakan menarik pemaju-pemaju yang berminat untuk membina bangunan di tapak itu nanti dan kita amat terbuka dengan sebarang cadangan sesuai khususnya pembinaan hotel ataupun kompleks beli-belah," katanya.

Mohd Sukuran berkata dengan penawaran itu, ia adalah salah satu usaha daripada pihaknya untuk memberikan anjakan baharu kepada Labuan bukan sahaja kepada ekonomi, malah dapat memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan. **W**



MOHD SUKURAN



BANGUNAN terbiar yang dahulunya Hotel Labuan bakal dirobohkan untuk pembangunan semula.



SYED KAMARULZAMAN (tengah) menyampaikan replika cek Bantuan Sara Hidup kepada wakil asnaf di Labuan.

Agih RM39 juta bantu asnaf

NASIB golongan asnaf di Labuan terus terbela dengan pelbagai inisiatif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menerusi agihan peruntukan sejumlah RM39 juta bagi Skim Bantuan Sara Hidup.

Menurut Pengerusi MAIWP, **Datuk Syed Kamarulzaman Syed Kabeer**, pihaknya secara bulanan telah mengagihkan Bantuan Sara Hidup berjumlah RM500 hingga RM1,000 yang dikreditkan secara terus ke akaun bank asnaf.

"Jumlah peruntukan bagi Bantuan Keperluan Barangan Asasi pada tahun ini adalah RM19.8 juta.

"MAIWP ingin melihat bantuan zakat yang disalurkan memberikan impak yang besar kepada penerimanya iaitu golongan asnaf," katanya pada Majlis Tautan Kasih Aidilfitri MADANI 2025 MAIWP Labuan, baru-baru ini.

Mengulas lanjut mengenai usaha untuk memastikan golongan asnaf keluar daripada kepompong kemiskinan dan hanya bergantung kepada bantuan, katanya MAIWP telah merangka program pembangunan asnaf sebagai usaha mencungkil bakat dan prestasi dalam pertanian ataupun perniagaan.

Katanya MAIWP tidak mahu golongan asnaf terus bergantung dengan bantuan zakat semata-mata sebaliknya menjadikan mereka sebagai salah seorang pembayar zakat kelak.

"Hasilnya telah mula dapat dilihat apabila mereka yang dahulunya sebagai usahawan asnaf namun kini berjaya mencatatkan pendapatan lumayan hasil daripada program bantuan holistik yang telah dilaksanakan," katanya. **W**

LISC 2025 lonjak ekonomi

LABUAN International Sea Challenge (LISC) 2025 yang bakal berlangsung 22 hingga 27 April ini dijangka menarik 15,000 pengunjung luar dan dalam negara sekali gus mampu merancakkan ekonomi tempatan.

Sukan berprestij yang diadakan secara tahunan itu kini tampil menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM350,000 menerusi 12 pertandingan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan (PL), **Mohd Sukuran Taib**, daripada 12 pertandingan sepanjang penganjuran LISC 2025, ia merangkumi empat acara utama dan lapan acara sampingan.

Katanya antara acara utama iaitu Cabaran Memancing Laut Dalam, Cabaran Berkayak Mengelilingi Pulau serta Maraton Kayak Mini.

"Sepanjang berlangsung LISC kali ini, kita mencatatkan sebanyak 2,500 penyertaan membabitkan peserta luar dan dalam negara termasuk Brunei, Hong Kong, Filipina dan Amerika Syarikat.

"PL selaku penganjur utama LISC menyeru peminat sukan air untuk datang bersama-sama menyaksikan pelbagai acara sukan laut dan acara pantai yang menarik," katanya selepas Majlis Pelepasan Peserta Acara Utama Cabaran Memancing Laut Dalam ke Pulau Spratly, Pulau Layang-Layangan.

Acara lain yang turut dipertandingkan ialah Kejohanan Bola Tampar Pantai, Kejohanan Silat Pantai, Pertandingan Mencandot Sotong, Pertandingan Memancing Pesisir Pantai, Pertandingan Tarik Tali Pantai serta Pertandingan Perlumbaan Bot Laju. **W**

Pameran Setem 2025 terima respons positif

CETUS MINAT TERHADAP SEJARAH

SABRINA SABRE

PAMERAN Setem 2025 yang berlangsung baru-baru ini di Galeri Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Putrajaya, mendapat respons positif termasuk kalangan penjawat awam.

Ramai menyifatkannya sebagai usaha tepat dalam menghidupkan semula minat terhadap pengumpulan setem dalam kalangan rakyat Malaysia.

Pameran yang dianjurkan sempena Mesyuarat Exco Federation of Inter-Asian Philately (FIAP) itu menampilkan koleksi setem dan bahan pos sejarah termasuk sampul surat hari pertama, poskad edisi khas serta setem bertemakan patriotisme dan perjuangan rakyat Palestin.

"Saya tak sangka setem mampu bawa kembali kenangan lama dan dalam masa yang sama, buka mata kami terhadap sejarah yang mungkin terlupa. Ia sangat menyentuh hati," kata pegawai tadbir dari Jabatan Kehakiman Syariah, **Ummu Aina Athira Md Nor**.

Dalam masa sama, Ketua Penolong Pengarah Kementerian Kesihatan, **Syarmilla Yusoff** berkata pameran itu dianggap sebagai ruang rehat intelektual dan emosi daripada tugas harian serta peluang untuk mendalami sejarah negara melalui perspektif yang unik.

"Sebagai penjawat awam, kita harus memahami dan menghargai sejarah negara."



SYARMILLA

"Setem ini bukan sekadar kertas, ia adalah dokumen budaya," katanya kepada Wilayahku.

Menurut Timbalan Pengerusi SPA, **Datuk Zohari Said**, program anjuran dengan kerjasama Persatuan Filateli Malaysia (PSM) itu merupakan satu pendekatan baharu bagi mencetuskan semangat patriotisme dalam kalangan penjawat awam.

"Ini dilakukan melalui nilai-nilai sejarah yang mampu diterapkan dengan pendekatan setem dan bahan-bahan berkaitan pos," jelas beliau.

Dalam pada itu, Presiden PSM, **Muhammed Salim Mohd Ali** pula berkata penganjuran pameran itu bertujuan membina semula ekosistem filateli yang semakin pudar dalam arus digital masa kini.

"Reaksi yang kami terima sangat memberangsangkan."

"Ia adalah bukti bahawa filateli masih hidup dan masyarakat masih menghargai sejarah yang terkandung dalam setem."

"Sambutan luar biasa daripada pengunjung juga mencerminkan keperluan lebih banyak program seumpamanya diadakan di seluruh negara sebagai usaha mendekatkan sejarah dan warisan kepada generasi muda," katanya.

Pameran tersebut turut menyaksikan pelancaran setem khas dan cap 'overprint' edisi terhad yang hanya dikeluarkan sempena acara berkenaan, menjadikannya buruan kolektor dari dalam dan luar negara.

Selain itu, pelbagai acara menarik turut diadakan seperti jualan filateli oleh pihak Pos Malaysia dan pengedar setem, sesi perkongsian hobi mengumpul setem serta cabutan bertuah.



PELAJAR sekolah tidak ketinggalan mendapatkan maklumat mengenai setem ketika Pameran Setem 2025 yang dianjurkan sempena FIAP di Galeri Suruhanjaya Perkhidmatan awam (SPA), Putrajaya baru-baru ini.



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Program POCKET TALKS

SEMPENA HARI PEKERJA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2025

KARNIVAL HARI PEKERJA 2025
PEKERJA KESUMA BANGSA
28 APRIL - 1 MEI 2025
AXIATA ARENA, BUKIT JALIL

HARI PERTAMA

28 APRIL 2025 (ISNIN)

8.30 pagi	Pendaftaran Peserta dan Sarapan Pagi
9.45 pagi	SLOT 1: Job Scammer (PDRM)
12.00 t/hari	Makan Tengah Hari & Berehat
2.30 petang	SLOT 2: Financial Scammer (PDRM)
4.30 petang	Minum Petang & Bersurai

HARI KEDUA

29 APRIL 2025 (SELASA)

8.30 pagi	Pendaftaran Peserta dan Sarapan Pagi
9.45 pagi	SLOT 3: Kesihatan Mental Pekerja: Mitos atau Realiti? (Jabatan Kesihatan Negeri)
12.00 t/hari	Makan Tengah Hari & Berehat
2.30 petang	SLOT 4: Cyber Bully (Cybersecurity)
4.30 petang	Minum Petang & Bersurai

HARI KETIGA

30 APRIL 2025 (RABU)

8.30 pagi	Pendaftaran Peserta dan Sarapan Pagi
9.45 pagi	SLOT 5: The Future of GIG Workers/ Economy (Bahagian Dasar KESUMA)
12.00 t/hari	Makan Tengah Hari & Berehat
2.30 petang	SLOT 6: Woman Returning to Work Force 1. TalentCorp 2. PERKESO
4.30 petang	Minum Petang & Bersurai

HARI KEEMPAT

1 MEI 2025 (KHAMIS)

8.30 pagi	Pendaftaran Peserta dan Sarapan Pagi
9.45 pagi	SLOT 7: Sexual Harassment (Jabatan Pembangunan Wanita)
12.00 t/hari	Makan Tengah Hari & Berehat
2.30 petang	SLOT 8: Kebergantungan Melampau Kepada Pekerja Asing (Kementerian Dalam Negeri, Bahagian Hal Ehwal Imigresen)
4.30 petang	Minum Petang & Bersurai



KBS tangani penyalahgunaan dadah

ATLET NEGARA BERI SOKONGAN PENUH

SABRINA SABRE


INI SIATIF Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam usaha membentuk generasi belia yang sihat, aktif dan bebas penyalahgunaan dadah dilihat sebagai langkah berkesan bagi melahirkan atlet yang cemerlang bukan sahaja dalam negara bahkan mampu mengharumkan nama negara ke arena antarabangsa.

Rata-rata atlet negara yang ditemui Wilayahku melihat inisiatif itu sebagai satu pendekatan berkesan dalam memupuk gaya hidup sihat, memperkukuh jaringan komuniti dan memperkasa mentaliti juara dalam kalangan anak muda Malaysia.

Memberi pandangan tentang perkara tersebut, atlet angkat berat negara, **Muhammad Erry Hidayat**, 26, menyifatkan langkah itu penting untuk melindungi masa hadapan golongan muda dan memastikan pembangunan sukan terus berada di landasan positif.

"Isu dadah dalam kalangan belia perlu dipandang serius kerana ia bukan sahaja memberi kesan kepada kesihatan, tetapi juga membunuh potensi atlet muda yang sedang membina kerjaya.

"Penyalahgunaan dadah bukan sahaja merosakkan kesihatan, malah menghancurkan masa depan belia. Sebagai atlet, kami tahu pentingnya jaga tubuh dan mental. Dadah bukan jawapan, dan belia perlu sedar mereka ada potensi besar jika pilih jalan sihat," katanya.



Atlet kayak, **Khairul Naim Zainal**, 25, pula berkata golongan belia harus melihat atlet sebagai contoh bagaimana disiplin dan gaya hidup sihat mampu membawa kejayaan.

"Kami sebagai atlet nak tunjuk yang hidup sihat tanpa dadah boleh bawa kita pergi jauh. Kalau nak berjaya dalam apa jua bidang, mental dan fizikal kena kuat, dan dadah akan musnahkan semua itu.

"Peranan rakan sebaya amat penting dalam menyokong inisiatif ini. Saya harap lebih ramai atlet tampil ke depan sebagai ikon dan inspirasi. Kita perlu jadi contoh kepada belia dengan menunjukkan bahawa hidup aktif, sihat dan bebas dadah itu bukan saja mungkin, tapi lebih hebat," jelasnya.

Selasa lalu, KBS menegaskan komitmen dalam usaha menangani penyalahgunaan dadah dalam kalangan golongan muda dengan menggariskan pendekatan holistik dan bersepadu bagi memastikan usaha pencegahan, pendidikan dan pemulihan dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan.

Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh berkata pendekatan tersebut bukan sahaja menumpukan kepada aspek advokasi, malah merangkumi intervensi awal, pembangunan sokongan komuniti dan pengukuhan peranan rakan sebaya dalam membantu golongan belia yang berisiko.

"Inisiatif tersebut bertujuan untuk

memastikan aktiviti hiburan belia berlangsung dalam persekitaran yang lebih selamat serta memperkukuh program pendidikan dan sokongan terhadap isu penyalahgunaan dadah. Ia adalah sejajar dengan nilai-nilai MADANI iaitu Kesejahteraan, Keyakinan dan Ihsan," katanya.

Menurut Hannah untuk tindakan segera, pihaknya akan memperketatkan dan menambah baik prosedur operasi standard (SOP) penganjuran konsert khususnya melibatkan genre muzik Electronic Dance Music (EDM).

"Penambahbaikan ini merangkumi mewujudkan Hydration Point bagi mengelakkan insiden dehidrasi dalam kalangan pengunjung termasuk menyediakan pasukan perubatan yang menyediakan perkhidmatan lengkap serta treler mesej kesedaran melalui poster dan video mengenai bahaya dadah dan tindakan yang perlu dilakukan oleh orang terdekat semasa berlakunya kecemasan.

"Selain itu, hospital siap siaga (*standby*) untuk menerima dan mengendalikan kes mangsa semasa berlangsungnya konsert dan penempatan unit anjing pengesan (K9) bagi mempertingkatkan kawalan keselamatan di kawasan konsert.

"Dalam masa sama, KBS juga menggalakkan semua penganjur konsert dan acara di fasiliti bukan milik kementerian untuk turut mengguna pakai SOP ini demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan belia dan pengunjung terjamin," katanya.

Sebagai langkah bersepadu, beliau berkata Majlis AIDS Malaysia akan mewujudkan 'Safe Space' sebagai tempat rujukan maklumat mengenai bahaya dadah dan bahan terlarang untuk pengunjung. **17**

JomPay tingkat kemudahan pengguna

KEMENTERIAN Belia dan Sukan (KBS) mengumumkan pelancaran JomPAY sebagai mod pembayaran baharu dalam Sistem Tempahan Fasiliti (STF), selaras dengan usaha berterusan kementerian untuk mempertingkatkan kemudahan dan keselesaan pengguna.

Menurut Menteri, **Hannah Yeoh**, kaedah bayaran tempahan fasiliti KBS melalui JomPAY ini merupakan satu langkah Kerajaan MADANI ke arah pendigitalan dan pemodenan perkhidmatan awam yang lebih cekap, telus dan mesra rakyat.

"Pengenalan kaedah ini selari dengan nilai teras daya cipta dan kesejahteraan dalam kerangka Malaysia MADANI dengan memperkenalkan inovasi digital yang memudahkan urusan rakyat serta meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam selain dari turut menyumbang kepada peningkatan ketelusan dalam kutipan hasil kerajaan.

"Melalui penambahbaikan dalam STF, pengguna kini tidak perlu lagi hadir ke kaunter secara fizikal untuk membuat bayaran," katanya.

Beliau berkata pengguna boleh membuat pembayaran tempahan bagi fasiliti di bawah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) seperti Kompleks Belia dan Sukan (KOMBES), Kompleks Rakan Muda (KRM), Kompleks Sukan Komuniti (KSK) dan Kompleks Sukan (KS) secara dalam talian dengan menggunakan JomPAY.

"KBS berharap kemudahan pembayaran ini dapat meningkatkan penggunaan fasiliti JBSN di seluruh negara, selari dengan hasrat kerajaan untuk merakyatkan sukan dalam kalangan masyarakat," katanya.

Maklumat lanjut berkenaan tempahan kemudahan dan fasiliti JBSN boleh diakses melalui pautan rasmi Sistem Tempahan Fasiliti KBS https://stf.kbs.gov.my/ks_user/login.php dan sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Sekretariat STF di talian 03-8871 3741/3114 atau e-mel anuar.h@kbs.gov.my. **17**

Malaysia mampu pamer aksi luar biasa

SKUAD sepak takraw negara bersedia menghadapi cabaran lebih sengit pada Kejohanan Sepak Takraw Piala Asia 2025 yang bakal berlangsung di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur pada 10 hingga 18 Mei ini.

Ketua jurulatih skuad kebangsaan, **Ahmad Jais Baharun** berkata persediaan rapi telah dilakukan oleh Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) bagi memastikan pasukan negara tampil cemerlang dalam kejohanan berprestij tersebut.

"Pemain sudah meraih pengalaman berharga pada Piala Dunia di Bihar, India Mac lepas dan telah menunjukkan perkembangan positif sepanjang persediaan menghadapi Piala Asia kali ini.

"Dengan persiapan rapi dilakukan, saya yakin skuad negara mampu memberikan cabaran sengit kepada

musuh tradisi Thailand, mahupun mana-mana pasukan hebat lain," katanya.

Beliau berkata PSM menasarkankan sekurang-kurangnya layak ke perlawanan akhir dalam semua acara dipertandingkan terutamanya regu dan double.

"Kami melihat ini sebagai cabaran besar dan ia adalah satu tanggungjawab kepada setiap pemain yang terpilih beraksi di Piala Asia kelak.

"Saya juga lihat undian kali ini agak seimbang namun cabaran besar menanti skuad negara berbanding ketika saingan Piala Dunia tahun lepas. Kita sedang memantapkan pasukan untuk menghadapi Piala Asia ini," katanya.

Piala Asia 2025 menyaksikan penyertaan beberapa negara kuasa besar sukan sepak takraw yang dibahagikan kepada empat acara

iaitu regu, kuadran, double dan regu berpasukan.

Dalam masa sama, perubahan dalam peraturan 'challenge' buat pertama kali akan diperkenalkan pada Piala Asia nanti yang mana setiap pasukan akan mempunyai dua peluang *challenge* dan jika berjaya, jumlah itu kekal sama seperti pendekatan yang digunakan dalam sukan badminton.

Terdahulu, pada sesi undian, Malaysia diundi dalam Kumpulan D bagi acara regu bersama Filipina, Nepal dan Singapura manakala regu berpasukan menyaksikan Malaysia berada dalam Kumpulan B bersama Korea Selatan, Brunei dan Jepun.

Dalam acara kuadran, Malaysia bersama Filipina, Jepun dan China dalam Kumpulan B manakala acara double menyaksikan Malaysia berdepan Thailand, Taiwan dan Nepal juga dalam Kumpulan B. **17**



MALAYSIA jangkakan cabaran lebih sengit pada Piala Asia 2025.

'SAYA BINA MASJID IKUT PERATURAN'

DEEL ANJER

IMPIAN pelakon yang juga sukarelawan, **Putra Amaris** tercapai apabila hasratnya mahu membina semula sebuah masjid usang berusia lebih 40 tahun di Parit Kemang, Batu Pahat, Johor, kini sedang dalam pembinaan.

Masjid yang dijangka siap dalam tempoh setahun enam bulan itu dianggarkan memerlukan kos sebanyak RM5 juta.

Dalam masa yang sama, pemilik nama sebenar Muhammad Amran Ismail, 39, ini meluahkan rasa syukur apabila masjid yang bakal dibina semula itu lebih besar.

"Alhamdulillah, saya dan pasukan Kongsi Rezeki berterima kasih kepada semua yang memberi sumbangan. Setakat ini sumbangan yang telah diterima adalah lebih RM2 juta.

"Dalam masa yang sama, kami mengalu-alukan sesiapa sahaja yang ingin membuat infak menerusi pembinaan masjid ini.

"Apa yang menarik, masjid yang dibina semula ini lebih besar dan moden apabila ada pihak yang bermurah hati mewakafkan tanahnya di sebelah masjid," katanya.

Amaris juga mengaku lebih berhati-hati dalam soal pembinaan masjid ini kerana tidak mahu timbul isu lain apabila sudah siap dibina.

"Untuk itu, saya dan pasukan membina semula masjid ini atas kebenaran dan mengikut proses undang-undang. Apabila semua prosedur telah dipenuhi, barulah kami robohkan masjid lama dan membina yang baharu.

"Bagi saya, hal ini sangat penting agar

tidak timbul masalah di kemudian hari. Jadi, pastikan betul-betul sah di sisi undang-undang, baru bina masjid," katanya.

Selain sumbangan orang ramai dan pihak korporat, pasukan Kongsi Rezeki juga menyasarkan jualan sebanyak sejuta kotak biskut dalam kempen Sejuta Kasih MyKu-Kiss untuk mengumpul dana pembinaan masjid itu.

"Sebahagian daripada dana itu diperoleh melalui sumbangan korporat, VIP serta hasil jualan biskut dan kempen infak Ramadan.

"Harapnya jika dana mencukupi, penduduk setempat boleh solat Aidilfitri di masjid ini tahun depan," katanya.

Selain dana pembinaan masjid, kempen Sejuta Kasih MyKu-Kiss turut menyalurkan hasil jualan kepada lima badan bukan kerajaan (NGO) yang berfokus kepada pendidikan tahfiz, penjagaan orang kurang upaya (OKU) serta bantuan susu dan lampin untuk anak-anak kecil yang menghidap kanser.

Amaris turut menjelaskan bahawa pemilihan lokasi Batu Pahat dibuat berdasarkan faktor kekeluargaan dan sokongan daripada komuniti setempat.

"Kampung isteri saya di Batu Pahat dan dalam masa sama, arwah ibu bapa saya juga berasal dari situ. Ini salah satu usaha kami menyambung legasi mereka dalam berbuat kebajikan," katanya.

Program Kongsi Rezeki kini memasuki tahun kelima pelaksanaannya dan banyak menyantuni pelbagai lapisan masyarakat

termasuk anak yatim, warga emas dan golongan asnaf.

"Kami tak banyak, tapi kami bantu mana yang mampu. Kadang-kadang hanya sekampit beras pun sudah cukup untuk buat mereka senyum. Kami bukan sekadar memberi, tapi juga cuba memahami dan bersama mereka," katanya.

Orang ramai yang ingin menyumbang boleh terus menyalurkan infak ke akaun rasmi Masjid Parit Kemang, Batu Pahat atau menyokong kempen melalui pembelian biskut MyKu-Kiss.



Fasa kejar 'job', populariti sudah berlalu

LEBIH tiga dekad dalam industri, penyanyi kelahiran program nyanyian Asia Bagus, **Amy Mastura** mengakui tidak terdesak untuk terus kekal relevan.

Pada usianya yang kini mencecah 53 tahun, penyanyi dan pelakon kelahiran Batu Gajah, Perak itu lebih selesa dengan kehidupan yang tenang di samping keluarga.

Katanya fasa mengejar 'job' nyanyian serta lakonan sudah lama berlalu.

Sebaliknya dia kini hanya mahu menikmati hidup bersama suami, Alvin Tham Suffian berserta dua puterinya.

"Alhamdulillah walaupun 'job' tidak lagi selebat dulu, tapi saya seronok dengan kehidupan dilalui sekarang. Lagipun saya yang memilih-milih tawaran, untuk lakonan saya tengok pada kesesuaian watak dan juga masa.

"Saya sebenarnya tak kesah bawakan apa saja watak, tapi sejak dulu saya lebih diberi kepercayaan membawakan watak komedi.

"Namun itu tidak menjadi masalah kerana saya tetap seronok apabila

dipanggil berlakon," katanya ketika ditemui di majlis rumah terbuka Rasa Rosz di IOI City Mall, baru-baru ini.

Berkongsi mengenai kerjaya nyanyian pula, Amy berkata tiada sebarang perkembangan terbaru berkait karier nyanyiannya.

Memang ada yang pernah mengajaknya untuk berkolaborasi tetapi akhirnya tiada sebarang khabar berita.

Amy yang cukup dikenali menerusi filem Puteri Impian mengakui tidak kesah jika namanya semakin dilupakan daripada industri.

Baginya, fasa mengejar populariti sudah berlalu dan banyak kejayaan sudah dikecapi sejak melangkah ke dalam industri seni selepas kemenangan di Asia Bagus pada 1993.

Malah katanya dia juga langsung tidak terasa hati jika generasi baru tidak mengenalinya.

Itu bukanlah masalah besar buatnya kerana Amy sedar 'zaman' sudah berlalu dan ini adalah masa mereka.

"Itu memang sudah dijangkakan dan saya hanya perlu bersedia. Saya juga tak pernah cuba untuk kejar supaya terus kekal relevan, soal relevan dan rezeki saya serahkan kepada Allah.

"Kita buat apa yang perlu saja dan jangan menyusahkan orang, apa yang penting hati kena jujur.

"Soal artis baru tak kenal saya tak jadi masalah pun, sebab saya sendiri tak mengenali mereka. Jadi tiada sebab untuk berkecil hati," katanya.

